

4 HARI

PUASA & DOA

7 OGOS - 15 SEP 2024

KERAJAAN YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

Ibrani 12:26-29

NECF
MALAYSIA


ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar

Bagi Kita Milik Kerajaan yang Tidak Dapat Digoncangkan	4
Kerajaan yang Tidak Dapat Digoncangkan	7
Orientasi Semula Gaya Hidup Rohani yang Tegak	10
Mendukung Dana Umum NECF	13

Renungan & Doa

Hari 1-5	Kerajaan Yang Tidak Dapat Digoncangkan	16
Hari 6-10	Mesej Yang Tidak Dapat Digoncangkan	22
Hari 11-15	Hubungan Yang Tidak Dapat Digoncangkan	28
Hari 16-20	Perjalanan Yang Tidak Dapat Digoncangkan	34
Hari 21-25	Pengharapan Yang Tidak Dapat Digoncangkan	40
Hari 26-30	Kasih Yang Tidak Dapat Digoncangkan	46
Hari 31-35	Iman Yang Tidak Dapat Digoncangkan	52
Hari 36-40	Misi Yang Tidak Dapat Digoncangkan	58
Penghargaan	64	



BAGI KITA MILIK KERAJAAN YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

*Oleh Rev Dr Eu Hong Seng,
Pengerusi NECF*



Salah satu kerinduan yang kita semua miliki adalah beristirahat dengan aman dalam kehidupan yang tidak tergoncangkan. Semua kita ingin perkara-perkara baik yang kita nikmati kekal selama-lamanya.

Namun kehidupan mempunyai kecenderungan untuk melemparkan berbagai-bagai kesusahan ke arah kita, membuat kita rasa tidak aman dan takut. Sesetengah kesusahan-kesusahan ini sangat menggoncangkan kita. Kemudian kita mendapati diri kita berebut untuk membangun keamanan, berusaha mati-matian untuk cuba menghilangkan setiap ketidakpastian. Tidak lama kemudian, kita mendapati bahawa hal ini tidak berhasil kerana kita kekurangan kekuatan, sumber daya, dan pengetahuan sebelumnya untuk melindungi diri kita daripada malapetaka.

Dunia yang hancur terus menumbuk muka kita. Kerajaan mengecewakan kita. Para majikan mengurangkan jumlah pekerja mereka. Ekonomi hancur. Tubuh menjadi lemah. Hubungan sesama kita menjadi tidak kukuh. Pencuri mencuri. Orang tersayang meninggal dunia.

Jadi kita tergoncang dan merindukan keamanan sejati. Kerinduan itu wujud kerana dosa telah memisahkan kita daripada keamanan sejati yang hanya ada di hadirat Tuhan. Selain daripada Tuhan, kerajaan-kerajaan di dunia ini tetap "dapat tergoncangkan", tidak menentu, tidak aman, dan rapuh. Hanya dengan Tuhan seseorang boleh mendapatkan keamanan sejati dalam kerajaan yang tidak tergoncangkan.

Yesus ingin memberi kita kerajaan yang tidak tergoncangkan. Ibrani 12:18-29 mendorong orang Kristian untuk tidak meninggalkan Yesus. Meninggalkan Yesus bererti melepaskan kerajaan yang tidak tergoncangkan.

Kitab Ibrani ditulis untuk orang-orang Kristian Yahudi yang goyah dalam komitmen mereka kepada Yesus. Hal ini disebabkan oleh kepasifan dan penganiayaan mereka sendiri. Orang-orang Kristian Yahudi mungkin mempertimbangkan untuk meninggalkan iman mereka kerana mengikuti Yesus bererti banyak pengorbanan. Mungkin ini juga situasi yang sama yang kita alami sebagai orang percaya hari ini.

Ibrani 12:18-29 menasihati orang-orang Yahudi yang percaya untuk bersukacita dalam kemuliaan Gunung Sion melebihi sukacita untuk Gunung Sinai, dan agar mereka menaruh pengharapan mereka pada kerajaan Tuhan yang tidak tergoncangkan.

Sinai melambangkan perintah lama yang sudah berlalu. Sinai menyingkapkan pemisahan kita daripada Tuhan. Sinai dipenuhi rasa takut akan kekudusan Tuhan dan penghakiman segera atas sesiapa pun yang melintasi-Nya. Di bawah Hukum Taurat, apa yang dapat dirasakan oleh bangsa Israel adalah penghakiman, rasa bersalah, dan pemisahan dari Tuhan yang benar, dan tidak ada jaminan untuk mendekati takhta-Nya dengan bebas.

Tetapi, bersyukurlah, bukan itulah gunung yang perlu kita datangi. Dalam kesatuan dengan Kristus, kata penulis Ibrani, kita telah sampai ke gunung

yang jauh lebih baik. Itulah Gunung Sion (lihat ayat 22).

Di Sion, Tuhan tetapliah Tuhan yang sama yang kekudusan-Nya tidak akan bertolak ansur dengan dosa. Namun yang berubah ialah Tuhan menghapus dosa kita melalui Yesus. Yesus adalah pengantara perjanjian baru (lihat ayat 24).

Jadi, kenyataan ini mengarahkan penulis kitab Ibrani untuk menasihati orang-orang Kristian Yahudi tentang kerajaan Tuhan.

Di ayat 25, penulis memberitahu kita untuk tidak menolak mendengarkan amaran Tuhan. Mengapa? Sebab goncangan bumi di Sinai tidak sebanding goncangan yang akan terjadi di Akhir Zaman.

Amaran demi amaran datang kepada kita di kitab Ibrani:

“Karena itu harus lebih teliti kita memperhatikan apa yang telah kita dengar, supaya kita jangan hanyut dibawa arus.” (2:1)

“Waspadalah, hai saudara-saudara, supaya di antara kamu jangan terdapat seorang yang hatinya jahat dan yang tidak percaya oleh karena ia murtad dari Allah yang hidup.” (3:12)

“Sebab mereka yang pernah diterangi hatinya, yang pernah mengecap karunia sorgawi, dan yang pernah mendapat bagian dalam Roh Kudus, dan yang mengecap firman yang baik dari Allah dan karunia-karunia dunia yang akan datang, namun yang murtad lagi, tidak mungkin dibaharui sekali lagi sedemikian, hingga mereka bertobat, sebab mereka menyalybkan lagi Anak Allah

bagi diri mereka dan menghina-Nya di muka umum.” (6:4-6)

“Sebab jika kita sengaja berbuat dosa, sesudah memperoleh pengetahuan tentang kebenaran, maka tidak ada lagi korban untuk menghapus dosa itu. Tetapi yang ada ialah kematian yang mengerikan akan penghakiman dan api yang dahsyat yang akan menhanguskan semua orang durhaka.” (10:26-27)

Tuhan telah memperingatkan kita dari syurga. *Wahai orang-orang yang beriman, marilah kita mendengar!*

Marilah kita mengambil iktibar daripada amaran-amaran ini agar kita dapat berpegang pada Kerajaan yang tidak tergoncangkan.

Semoga kita selalu mengucapkan syukur kerana kita telah menerima kerajaan yang tidak tergoncangkan dan semoga kita bertekun untuk “mengabdikan kepada Tuhan dengan penuh rasa hormat dan takut akan Tuhan kerana Tuhan kita adalah api yang menhanguskan.” (12:28-29)

Semoga kebenaran besar tentang Kerajaan-Nya yang tidak tergoyahkan ini begitu meresap ke dalam diri kita sehingga, meskipun dikejutkan oleh keadaan yang tidak menentu, kita tidak akan digoncangkan oleh keadaan tersebut, melainkan terus menjadi duta kerajaan yang tidak tergoncangkan. Meskipun segala perkara mungkin bergemuruh, bergetar dan berpecah di sekitar kita, akan ada kestabilan dalam diri kita – bukan kerana apa-apa yang ada dalam diri kita tetapi kerana keyakinan dan pengharapan yang tidak tergoncangkan yang telah memenuhi kehidupan kita melalui janji dan kuasa Tuhan.





KERAJAAN YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

*Oleh Pr Samuel Ang,
Setiausaha Agung NECF*



Kerajaan Tuhan telah dirasmikan pada kedatangan Yesus yang pertama dan ia akan menjadi satu-satunya kerajaan yang akan kekal apabila Dia kembali untuk menyempurnakan segala-galanya (lihat Ibr.9:28). Ketika kedatangan-Nya buat kali kedua, Dia akan menggenapi janji Tuhan untuk menggoncangkan kedua-dua langit dan bumi. Ketika hal ini dilakukan, hanya hal-hal yang tidak dapat digoncangkan saja yang akan tinggal tetap (lihat Ibr.12:26–27).

Kerajaan dunia ini dan ekonominya sedang bergoncang. Sama ada disebabkan oleh peperangan, penyakit, wabak, tembakan besar-besaran, rasuah politik, atau kemiskinan; negara telah menjadi mudah terdedah kepada bahaya dan diumbang-ambingkan oleh peristiwa di luar kawalan mereka. Ini adalah dunia yang menjadi tidak stabil dengan begitu cepat dan tanpa harapan.

Orang ramai bergelut dengan krisis identiti dan menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan ketidakpastian dan situasi-situasi yang mencabar. Orang Kristian tidak terkecuali. Nubuat akhir zaman, tidak kira sama ada ia benar atau palsu menimbulkan kebimbangan, dan sering menyumbang kepada kelemahan iman.

Penulis Ibrani mengingatkan kita bahawa kita sedang menerima kerajaan yang tidak dapat tergoncangkan. Ini adalah pernyataan yang mendalam. Ini bermakna bahawa kerajaan Tuhan tidak tertakluk kepada perubahan atau ketidakstabilan. Ia

tidak seperti kerajaan dunia ini, yang bangkit dan jatuh dan tertakluk kepada kehendak penguasa dan arus sejarah. Kerajaan Tuhan tidak berubah dan tidak tergoncangkan kerana ia tetap teguh, tidak kira apa yang berlaku. Jadi, apakah maknanya itu bagi kita?

Pertama, ini bermakna kita boleh yakin akan pemerintahan Tuhan. Kita tidak perlu risau jika Tuhan akan mengubah fikiran-Nya atau rancangan-Nya akan gagal. Kerajaan-Nya terjamin, begitu juga janji-janji-Nya. Ini memberi kita dasar yang kukuh untuk iman kita. Kita boleh percaya kepada Tuhan, mengetahui bahawa Dia berkuasa dan kerajaan-Nya akan kekal. Kita boleh berusaha untuk kebenaran, kasih sayang, dan kedamaian. Kita boleh berusaha untuk melakukan kehendak Tuhan dalam segala hal. Dan kita boleh bersyukur, menyembah Tuhan dengan rasa penuh hormat dan kagum.

Seterusnya, kerajaan Tuhan memberi kita pengharapan. Dalam dunia yang huru-hara dan tidak menentu, kita dapat merasai keselesaan kerana kerajaan Tuhan tidak tergoncangkan. Kita boleh menantikan hari apabila kerajaan Tuhan akan direalisasikan sepenuhnya, apabila segala sesuatu akan dijadikan baharu dan apabila Tuhan akan menghapuskan setiap air mata dari mata kita. Pengharapan ini memberi kita kekuatan untuk bertahan, walaupun di tengah-tengah ujian dan kesukaran.

Akhir sekali, kestabilan kerajaan Tuhan memanggil kita kepada kehidupan yang penuh kesetiaan dan seharusnya memberi inspirasi kepada kita untuk berkongsi berita

baik dengan orang lain kerana kita ingin mereka mengetahuinya. Kita mahu mereka mengalami kedamaian, kegembiraan dan pengharapan yang datang daripada menjadi sebahagian daripada kerajaan Tuhan. Oleh itu, marilah kita memberanikan diri berkongsi iman kita, bahawa mesej yang kita isytiharkan bukan sekadar idea yang bagus atau pemikiran yang menghiburkan, tetapi hakikat yang boleh mengubah kehidupan.

Doa kami adalah agar anda memperoleh manfaat dengan mendengar Yesus (lihat Ibr.12:25) melalui isi kandungan renungan yang tersedia untuk mendengar dan menyahut seruan Juruselamat kita yang tidak berubah kepada komitmen penuh. Seperti mana Yesus dengan bebas memberikan diri-Nya, kita juga akan dengan bebas memberikan diri kita untuk menyembah dan melayani Dia sehingga kekudusan Tuhan dinyatakan.

Ingat, Yesus Kristus adalah sama kelmarin dan hari ini dan selamanya (Ibr.13:8).





ORIENTASI SEMULA GAYA HIDUP ROHANI YANG TEGAS

*Oleh Rev Looi Kok Kim,
Ketua Komisi Doa NECF*





Bentuk luaran daripada keagamaan adalah tanda yang mentakrifkan kerohanian yang berkompromi. Apabila kerohanian batin tidak ada, ini bermakna hadirat Tuhan juga tidak ada. Semuanya dikurangkan kepada upacara dan kebiasaan luaran. Ia memiliki bentuk dan bukannya kehidupan batin yang berupa keyakinan rohaniyah dan pengenalan akan Tuhan. Oleh itu, tanpa disedari hal ini menyebabkan orang berusaha menyenangkan orang lain dan bukannya menyenangkan Tuhan. Kurangnya kekuatan dan keaslian rohani menunjukkan kekosongan kerohanian batin. Kita hidup dalam kepura-puraan dan ketidakpedulian rohani. Ini adalah dasar yang dapat digoncangkan dalam sebarang keadaan yang terdedah.

Bagaimanakah kita memupuk dasar yang tidak tergoncangkan? Terdapat dua cara praktikal untuk melakukannya sejauh ini. Melalui puasa dan doa selama 40 hari ini, amalkanlah kehadiran Tuhan dalam perjalanan rohani peribadi anda dan akhirnya teruskanlah sebagai sebuah gaya hidup.

a) *“Dalam Diam”*: Gaya hidup rohani adalah kehidupan berdisiplin harian dalam membaca firman Tuhan sebanyak mungkin (misalnya 3 bab setiap hari), sebuah amalan di hadapan Tuhan. Ini bukanlah sebuah tugas. Ini adalah hasrat untuk ingin mengenal Tuhan dalam perjalanan batin untuk mengizinkan Roh Kudus berbicara sementara kita tetap berdiam

baik dalam masa yang senang atau susah. Inilah kehidupan yang dijalani di hadapan Tuhan untuk mendirikan kerajaan yang tidak tergoncangkan. *Bapa Syurgawi menemui kita ketika kita mencari Dia dalam diam.*

b) *“Dalam Ketundukan dan Ketaatan kepada Tuhan”*: Menjadi rohani berarti hidup dalam hubungan yang benar dan intim dengan Tuhan. Tidak ada gunanya terlibat dalam upacara luaran tanpa adanya perubahan hati yang berpadanan. Tanda kematangan rohani adalah ketika, sebagai perwatakan batiniah dan bukannya kebiasaan lahiriah, kita masih kuat dan iman kita tidak tergoncangkan walaupun dalam keadaan yang dapat digoncangkan.

Berikut tiga perkara praktikal yang anda boleh lakukan semasa puasa dan doa selama 40 hari.

- **Senarai semak motif kita** – keinginan daging, keinginan mata, dan keangkuhan hidup adalah keinginan daging yang mematkan. Tumpukanlah perhatian kepada Roh Kudus dengan teliti ketika hidup anda digoncangkan oleh perkara-perkara di atas.
- **Kesukaan dalam melakukan sesuatu** – Ketika kita suka melayani demi pengiktirafan, daya tarikan, atau bantuan, inilah waktunya untuk undur satu langkah untuk memeriksa roh kita. Kepada siapakah kita cuba menyenangkan?

- **Amaran** - Berhati-hatilah dalam menjalani kehidupan yang tidak mahu mengampuni dan terikat kepada kesenangan dunia. Adakah kita memilih hal-hal yang bersifat sementara daripada keselamatan abadi? Ingatlah bahawa dosa menyakiti manusia.

Siapakah tuan sejati dalam hidup anda? Mahukah anda memberikan kesetiaan anda sepenuhnya kepada Tuhan? Binalah kehidupan batin anda di atas dasar yang tidak tergoncangkan.





MENDUKUNG DANA UMUM NECF

*Oleh Pr Samuel Ang,
Setiausaha Agung NECF*



Tuhan itu besar dan Maha Kuasa, dan belas kasihan-Nya kekal selamanya.

Kita telah menyaksikan kebaikan dan penyediaan Tuhan setiap tahun dan kita tidak boleh menganggap remeh hal tersebut. Surat ini merupakan kesempatan besar untuk mengungkapkan rasa terima kasih kami atas dukungan dan kerjasama anda yang murah hati terhadap 40-Hari Puasa dan Doa, acara utama tahunan kami.

Sejak pandemik bermula pada tahun 2020, kami telah membuka pintu bagi anda yang telah diberkati oleh bahan-bahan renungan untuk menabur ke dalam kerajaan Tuhan. Kami memuji Tuhan atas sumbangan setia anda dalam empat tahun yang lalu serta atas penyertaan anda dalam program doa kami.

Slogan NECF sentiasa sama, iaitu ***membangun bangsa melalui gereja lokal***. Gereja bukanlah bangunannya tetapi orang-orang yang dipanggil oleh Tuhan yang memiliki semangat dan belas kasihan untuk berdoa syafaat bagi gereja dan bangsa. Selain anda, ada ramai penderma yang tidak dikenali yang ingin melihat pekerjaan Tuhan berjaya dan berbuah.

Meskipun kos percetakan dan perkhidmatan kurier telah meningkat secara ketara selama bertahun-tahun, NECF telah memutuskan untuk tidak menaikkan harga tersebut supaya kita dapat menuai berkat Tuhan bersama-sama.

Tema tahun 2024 iaitu ***“Kerajaan yang Tidak Tergoncangkan”*** benar-benar menuntut kita semua untuk menjadi garam dunia dan terang dunia. Seperti yang Yesus tekankan dalam Matius 5:16, “supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di sorga.”

Ini adalah tema yang mencabar yang mengharuskan kita untuk memusatkan pandangan kita pada Tuhan Yesus, pengarang dan penyempurna iman kita. Janganlah kita terganggu oleh isu-isu dunia, tetapi berlarilah dengan tekun dalam perlumbaan yang diwajibkan bagi kita.

Kami berdoa agar anda diberkati secara berkelimpahan dalam acara tahun ini dan menyaksikan kedaulatan tangan Tuhan kita atas Malaysia.



Jika anda tergerak hati untuk menyumbang ke Dana Umum kami, anda boleh berbuat demikian melalui:

- Perbankan secara terus/pemindahan dalam talian ke akaun dana am NECF :

Bank: Public Bank

Nama Akaun: National Evangelical Christian Fellowship AC3

Nombor Akaun: 3218284529

- Mengimbas kod bar Touch' n Go yang dilampirkan dalam buku kecil ini, laman sesawang NECF, halaman Facebook, Aplikasi, dsb.

Sila hantar slip bank-in anda ke prayer@necf.org.my jika anda melakukan pemindahan dalam talian atau masukkan tunai/cek anda dalam bank. Resit hanya akan diberikan jika diminta.



HARI 1-5



KERAJAAN YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

IBRANI 12:26 & 29



IMAN YANG TERUJI DI DUNIA YANG MUDAH DIGONCANGKAN

Kita hidup di "dunia yang mudah digoncangkan" yang sering kali memerlukan krisis, biasanya krisis yang menyakitkan, agar orang boleh menyedari siapa diri mereka yang sebenarnya. Dunia kita sedang mengalami kekeliruan dan sangat terdedah, dan keamanan dapat hilang bila-bila saja. Seperti apa masa depannya? Kita tidak tahu bagaimana situasi kewangan atau politik pada minggu, bulan, atau bahkan hari yang akan datang. Tapi kita tahu bahawa ini adalah waktu untuk menguji dan mengetahui "kejahatan" kita sendiri atau kelemahan batin kita.

Lalu bagaimana kita dapat menangani dan mengatasi batiniah kita yang "mudah digoncangkan" untuk bertindak balas terhadap keadaan yang mudah terdedah dan 'mengejutkan'? Kita diingatkan dalam Ibrani 12:1-2, "Karena kita mempunyai banyak saksi, bagaikan awan yang mengelilingi kita, marilah kita menanggalkan semua beban dan dosa yang begitu merintangikan kita, dan berlomba dengan tekun dalam perlombaan yang diwajibkan bagi kita. Marilah kita melakukannya dengan mata yang tertuju kepada Yesus, yang memimpin kita dalam iman, dan yang membawa iman kita itu kepada kesempurnaan, yang dengan

mengabaikan kehinaan tekun memikul salib ganti sukacita yang disediakan bagi Dia, yang sekarang duduk di sebelah kanan takhta Allah."

Mengejar "batiniah" kita dalam membangun otot rohani kita sebaik-baiknya berfokus pada hal-hal berikut: -

- Sukacita memandang Yesus yang menanggung penderitaan dan rasa malu di kayu salib. Di sebalik pergumulan peribadi, krisis kewangan, atau penyakit kita, jangan biarkan setiap beban dan dosa mempengaruhi kehidupan rohani anda. Carilah kedamaian dan sukacita melalui pengenalan akan Tuhan.
- Mengatasinya dengan disiplin membaca Firman Tuhan, mengejar ibadah, dan adakan hubungan dengan Roh Kudus. Roh Kudus menolong kita dalam kelemahan kita (lihat Roma 8:26).

Gaya hidup disiplin harian dalam mengejar batiniah dalam perjalanan rohani kita ini bertujuan untuk mengenal Tuhan Yang Maha Sempurna dan Penyempurna iman kita di dunia yang mudah digoncangkan.



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi yang terkasih, Engkaulah yang Penyempurna iman kami. Saya sedar bahawa, di dunia yang mudah digoncangkan, kami dihadapkan dengan keadaan yang mudah terdedah dan 'mengejutkan' yang dapat menguji kepercayaan kami kepada-Mu. Tolong saya berkomitmen untuk berfokus kepada kehidupan rohani saya untuk membangun dasar iman alkitabiah yang kuat supaya tidak ada yang dapat menggoncangkan kepercayaan saya kepada-Mu. Dalam nama Yesus, amin.
- Berdoa agar Tuhan memberikan kesihatan yang baik kepada Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Yang Di-Pertuan Agong, dan agar baginda menggunakan kuasa budi bicaranya dengan penuh kebijaksanaan dan rasa takut kepada Tuhan.
- Berdoa agar Gereja menjunjung Yesus Kristus sebagai Kepala atas Tubuh-Nya dan agar gereja mengizinkan Roh Tuhan mengalir dengan bebas semasa Dia bertindak sesuai dengan kehendak Bapa.

MENGAWASI KEHIDUPAN PERIBADI ANDA

Jika kita memiliki semangat yang kaku, hal itu akan mencemarkan kerohanian yang sejati, sering kali dalam bentuk keagamaan dan pola fikir duniawi dan materialistik. Hal ini juga sering kali diselubungi oleh keinginan berahi, sombong, tamak dan berhaloba. Kita mungkin tertawa dengan pemikiran tentang penghakiman pada masa depan dan menjalani kehidupan kita seolah-olah masa kini akan menjadi corak masa depan. Oleh itu, kita mesti berhati-hati bagaimana kita berkelakuan atau hidup dalam dunia yang menggemari luaran upacara penyembahan semasa secara luaran, kemewahan, keselesaan, pengiktirafan, dan penerimaan. Ini adalah "entiti boleh digoncangkan" di mana kita boleh terperangkap tanpa disedari.

Kadang-kadang, Tuhan mengizinkan kita melalui pengalaman-pengalaman ini untuk mengajar kita bagaimana untuk menjadi tetap "tidak tergoncangkan". Mari kita izinkan Dia mencantas kehidupan kita untuk menyingkirkan semua kekotoran agama serta pola fikir duniawi dan sekular.

- Setiap kali kita menghadapi ketidakpuasan, kekecewaan, dan kekosongan dalam hati rohani kita, carilah dan kejarlah rasa lapar untuk mengenal Tuhan. Ibrani 3:7-8 (versi Message) Roh Kudus berkata, "Janganlah kamu menutup telinga terhadap "pemberontakan yang sengit", pada masa percubaan di padang gurun!"
- Bergumul dengan Tuhan untuk mendapatkan jawapan dari Kitab Suci dengan menjalani gaya hidup mazbah doa yang tidak dapat dirunding yang mencakup penyembahan, doa, dan renungan yang dipimpin oleh Roh untuk memahami Firman-Nya.



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi yang terkasih, saya memohon pengampunan-Mu kerana tidak konsisten dalam membaca Firman Tuhan secara kronologi untuk memahami Engkau dengan lebih baik. Tuhan, tolonglah saya mulai hari ini untuk mengembangkan gaya hidup harian yang konsisten dalam mengenal-Mu dengan membaca Firman-Mu dan mengizinkan Roh Kudus menolong saya memahami-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.
- Berdoa agar Majlis Raja-raja, yang terdiri daripada sultan-sultan daripada sembilan buah negeri dan gabenor daripada empat buah negeri, kekal sebagai sebuah badan bebas dan mereka akan bertindak dengan bijak mengikut fungsi perlembagaan yang diberikan kepada mereka.
- Berdoa agar semua lelaki dan wanita yang melayani dalam majlis gereja dan lembaga gereja di setiap gereja tempatan ialah orang yang berintegriti yang menggunakan kuasa mereka dengan budi bicara untuk memudahkan pertumbuhan dan pengembangan Kerajaan-Nya di bumi.

BERFOKUS PADA PERKARA YANG SALAH BERBANDING GAYA HIDUP YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

Ibrani 12:26 *Waktu itu suara-Nya menggoncangkan bumi, tetapi sekarang Ia memberikan janji: "Satu kali lagi Aku akan menggoncangkan bukan hanya bumi saja, melainkan langit juga."*

Perkataan "satu kali lagi" menunjukkan penyingkiran apa yang dapat digoncangkan—iaitu, segala sesuatu yang diciptakan—supaya apa yang tidak dapat digoncangkan akan kekal.

Saat kita terus merenungkan ayat di atas pada hari ini, kita perlu tanya diri sendiri apakah hal-hal yang boleh digoncangkan dan disingkirkan, terutama dalam kehidupan batin kita.

Kita diberitahu dalam 1 Yohanes 2:15-17, "Janganlah kamu mengasihi dunia dan apa yang ada di dalamnya. Jikalau orang mengasihi dunia, maka kasih akan Bapa tidak ada di dalam orang itu. Sebab semua yang ada di dalam dunia, yaitu keinginan daging dan keinginan mata serta keangkuhan hidup, bukanlah berasal dari Bapa, melainkan dari dunia. Dan dunia ini sedang lenyap dengan keinginannya, tetapi orang yang melakukan kehendak Allah tetap hidup selama-lamanya."

Kita harus berwaspada akan tiga hal duniawi yang salah dan yang tidak memberi nilai dalam kehidupan kita:

- Nafsu kedagingan – misalnya, membeli barang-barang di luar kemampuan

kita untuk memuaskan ego atau kedagingan kita.

- Nafsu mata – misalnya ketagihan pornografi internet; permainan dalam talian atau perjudian.
- Kebanggaan hidup – misalnya hidup hanya untuk menarik perhatian orang lain, khususnya di dunia media sosial.

Ingatlah, inilah umpan-umpan yang Syaitan gunakan untuk memerangkap kita untuk menghentikan kita menjalani kehidupan berkelimpahan yang Tuhan sediakan bagi kita. Semua hal buruk ini tidak hanya menghabiskan masa kita tetapi juga menurunkan semangat kita dan membawa kepada fikiran dan emosi negatif, seperti rasa bersalah, penyesalan, dan depresi.

Daripada berfokus pada perkara yang salah, marilah kita fokus pada "kehidupan batin kita yang tidak tergoncangkan." Kehidupan Kristian menuntut ketekunan dalam mengejar kecemerlangan moral, pengetahuan, pengendalian diri, ketekunan, kesalehan, kebaikan persaudaraan, dan kasih yang tidak mementingkan diri sendiri.

Jika kita terperangkap, kita perlu bertaubat untuk apa yang telah kita izinkan dalam kehidupan kita dan meminta Roh Kudus untuk membebaskan kita.



DOA HARI INI

- Ya Tuhan, saya berterima kasih kepada-Mu kerana telah menyingkapkan hal-hal buruk yang Syaitan gunakan untuk memerangkap saya agar tidak menjalani hidup berkelimpahan yang telah Engkau rancangan untuk saya. Ampunilah saya kerana mengizinkan diri saya terperangkap olehnya. Saya bertaubat terutama untuk kebiasaan berdosanya saya yang telah mendukacitakan Roh Kudus. Tolonglah saya membuat pilihan yang tepat setiap hari. Saya berdoa semua ini dalam nama Tuhan Yesus Kristus yang berharga. Amin.
- Berdoa agar Perdana Menteri kita, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memiliki kemampuan dan ketabahan untuk memimpin Malaysia ke arah reformasi. Berdoa agar beliau mempunyai kebijaksanaan dalam mengimbangi tuntutan-tuntutan kuasa, dan dalam membina budaya kepercayaan dan kerjasama dalam kabinetnya.
- Berdoa agar senior pastor anda merupakan seorang lelaki atau wanita yang mempunyai iman dan tanggungjawab yang tinggi, dengan visi yang jelas dan rancangan yang kukuh untuk memimpin tim pastoral/pelayanannya untuk mencapai tugas yang diberikan Tuhan dalam gereja tempatan dan lain-lain.

BUKAN HANYA PENDENGAR, TAPI PELAKU FIRMAN

Kelmarin kita melihat hal-hal buruk yang memerangkap kita dan menghalang kita bergerak maju menuju Kerajaan Tuhan yang tidak tergoncangkan.

Kita mungkin sudah bertaubat, Tuhan mungkin sudah mengampuni kita, tapi ingatlah, musuh tetap ingin menyerang kembali.

Jadi, bagaimanakah kita menghalangnya menyerang kembali?

Kita perlu mengubah secara keseluruhan apa yang kita lakukan secara konsisten setiap hari sehingga menjadi suatu kebiasaan dan akhirnya menjadi gaya hidup yang berkenan kepada Tuhan.

Kita perlu melakukan perkara berikut:

- Penuhi diri kita dengan Firman-Nya. Yesus memberi teladan kepada kita ketika Dia dicubai Syaitan – lihat Matius 4:4, "Tetapi Yesus menjawab: "Ada tertulis: Manusia hidup bukan dari roti saja, tetapi dari setiap firman yang keluar dari mulut Allah."

Kita perlu "memberi makan roh kita dengan Firman-Nya" sama seperti kita memberi makan tubuh kita dengan makanan.

- Mentaati dan melakukan apa yang diperintahkan Tuhan dalam Firman-Nya. Matius 7:24 mengatakan, "Setiap orang yang mendengar perkataan-Ku ini dan melakukannya, ia sama dengan orang yang bijaksana, yang mendirikan rumahnya di atas batu. " Ingat juga Mazmur 119:105 dan Matius 24:35 yang mengatakan, "Langit dan bumi akan berlalu, tetapi perkataan-Ku tidak akan berlalu."

Catatan:

Kami menggalakkan anda untuk tidak hanya membaca bahagian-bahagian tertentu sahaja daripada Alkitab setiap hari tetapi juga membaca seluruh Alkitab dari muka surat depan ke belakang setahun sekali untuk mengenal Tuhan kita dengan lebih baik. Pertimbangkanlah penggunaan Pelan Membaca Alkitab Kronologi NECF yang boleh didapati di laman web NECF atau beli salinan cetaknya dari pejabat NECF.



DOA HARI INI

- Ya Tuhan dan Bapa Syurgawi, saya berterima kasih atas firman-Mu yang tertulis yang menguatkan jiwaku, menolong saya semasa detik-detik paling gelap dalam hidupku, dan menolong saya mengenal-Mu dengan lebih baik dengan pertolongan daripada Roh Kudus. Saya berdoa untuk semua ini dengan hati bersyukur dalam Nama Yesus Kristus. Amin.
- Berdoa agar Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, menjadi pendukung kepada penyandang Perdana Menteri, dan agar beliau dapat melaksanakan tugasnya dengan baik sebagai Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.
- Berdoa agar pastor, penolong pastor atau pemimpin utama yang melayani di bawah senior pastor anda, merupakan ahli tim yang baik dan berkesan, dan mereka akan melayani dengan semangat tim yang cemerlang.

MASA DEPAN TIDAK DIKETAHUI, NAMUN ROH KUDUS IALAH PENOLONG KITA

Ibrani 12:26-27 Waktu itu suara-Nya menggoncangkan bumi, tetapi sekarang Ia memberikan janji: "Satu kali lagi Aku akan menggoncangkan bukan hanya bumi saja, melainkan langit juga." Perkataan ini, "Satu kali lagi," menunjukkan penyingkiran segala yang boleh digoncangkan—iaitu segala yang telah dijadikan—supaya apa yang tidak dapat digoncangkan dapat tetap ada.

Tidak seperti nenek moyang kita, kita hidup di masa yang sangat mencabar. . Namun, di era Teknologi Maklumat, perubahan terjadi dengan sangat mendadak. Dengan hadirnya Kepintaran Buatan di tengah-tengah kita, kita semakin bingung, keliru, dan bimbang tentang masa depan kita, terutama bagi golongan belia dan kanak-kanak kita.

Sumber daya dan maklumat tanpa had yang tersedia di dunia digital dalam talian hari ini, khususnya di bidang media dan komunikasi, boleh menjadi terlalu banyak . Mengetahui mana yang benar dan mana yang palsu telah menjadi satu cabaran yang nyata.

Syukur kepada Tuhan, Dia tidak meninggalkan kita. Dia telah memberi kita Roh Kudus untuk menolong kita mengharungi perjuangan yang tidak diketahui di hadapan kita.

Janji ini terdapat dalam Yohanes 16:13, "Tetapi apabila Ia datang, yaitu Roh Kebenaran, Ia akan memimpin kamu ke dalam seluruh kebenaran; sebab Ia tidak akan berkata-kata dari diri-Nya sendiri, tetapi segala sesuatu yang didengar-Nya itulah yang akan dikatakan-Nya dan Ia akan memberitakan kepadamu hal-hal yang akan datang."

Kita tidak perlu digoncangkan oleh masalah-masalah seperti itu. Kita boleh percaya pada janji-Nya. Belajarlah mendengar suara lembut Roh Kudus dan belajarlah berjalan bersama-Nya. Alangkah baik meluangkan masa dalam pujian dan penyembahan.



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawiku, saya berterima kasih kepada-Mu kerana telah memberi saya Roh Kudus yang ada untuk menolong saya mengharungi kesukaran hidup di hadapan saya. Ketika saya rasa takut atau bimbang akan masa depan, tolonglah saya mengubahnya menjadi doa disertai rasa syukur kepada-Mu. Pada masa yang sama, tolonglah saya untuk peka mendengar suara lembut Roh Kudus melebihi semua suara yang lebih kuat daripada kedagingan saya, dunia, dan Syaitan. Dalam nama Tuhan Yesus Kristus, saya berdoa. Amin.
- Berdoa agar Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, menjadi orang tengah yang baik dalam hal ehwal antara Malaysia Timur & Barat, dan agar Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (sekarang Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia) akan diuruskan dengan baik di bawah pentadbirannya.
- Berdoa agar tim pelayanan di gereja anda, contohnya, tim penyembahan, tim Sekolah Minggu, tim hospitaliti, tim sel dan sebagainya akan melayani dengan penuh sukacita dan kesyukuran, kerendahan hati dan jiwa yang manis, kerana mengetahui bahawa mereka bukan hanya melayani manusia, tetapi Yesus, Raja mereka.

HARI 6-10



**MESEJ YANG
TIDAK DAPAT
DIGONCANGKAN**

Ibrani 1 & 2:4



DARI “DAHULU KALA” HINGGA “HARI-HARI TERAKHIR”

Kitab Suci: *Ibrani 1:1-2*

Adakah anda hidup di “masa lalu” atau “hari-hari terakhir”? Jawapan anda bergantung kepada suara mana yang anda dengarkan hari ini. Pada zaman dahulu kala dalam Perjanjian Lama, Tuhan berbicara kepada umat-Nya melalui para nabi. Namun penulis kitab Ibrani memberitahu kita bahawa pada akhir zaman ini, Tuhan telah berbicara kepada kita melalui Anak-Nya, Yesus. Kristus adalah pesan yang tidak tergoncangkan – Firman Tuhan yang terakhir dan mengikat.

Saya percaya setiap orang yang dilahirkan semula mempunyai keinginan untuk mengetahui apa yang Tuhan katakan kepada mereka. Banyak sekali buku yang telah ditulis mengenai perkara ini. Sebagai seorang pastor, salah satu pertanyaan yang paling sering anda tanyakan adalah, “Bagaimana saya dapat mendengar suara Tuhan?” Ibrani 1:1-2 mengingatkan kita: Mulailah dengan Yesus.

Natijahnya di sini adalah kita perlu membenamkan diri kita dalam kehidupan dan ajaran Kristus – untuk tinggal dalam Firman-Nya supaya kita dapat mengetahui jalan-jalan-Nya. Meskipun ini mungkin kedengaran mudah, hal ini boleh menimbulkan cabaran yang agak sukar memandangkan betapa mudahnya telinga kita terhadap suara luaran yang lain.

Hari ini kita memiliki “nabi” moden – pemimpin agama dengan wahyu mereka, aktivis hak asasi manusia dengan retorik mereka, ahli politik dengan dasar mereka, dan pencipta kandungan di setiap platform media sosial yang lain. Masing-masing meminta kita untuk mendengarkan mereka. Namun meskipun suara-suara ini semakin lantang dari hari ke hari, janganlah kita lupa bahawa kita berada di “hari-hari terakhir”. Dan Bapa telah berfirman, “Inilah Anak yang Kukasih, kepada-Nyalah Aku berkenan, dengarkanlah Dia.” (Mat 17:5b)



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi, biarlah iman saya didasarkan pada mesej Kristus yang tidak tergoayahkan. Biarkan saya meninggalkan hal-hal yang dahulu, menyelaraskan telinga rohani saya, dan menumpukan perhatian kepada suara Gembala yang Baik. Berilah saya kebijaksanaan di hari-hari terakhir ini. Amin.
- Berdoa agar, di bawah konsep Madani, masyarakat Malaysia berupaya membangun sebuah negara dengan usaha bersepadu untuk mencegah kebocoran, di mana sumber daya dikelola dan digunakan dengan baik, serta pembangunan berterusan untuk perkembangan di masa hadapan.
- Berdoa agar program dan kegiatan pelatihan di gereja-gereja tempatan tidak hanya sekadar memenuhi keperluan yang ada namun juga menciptakan ruang bagi pertumbuhan yang mampan di masa depan, terutama dalam bidang pemuridan keluarga, remaja, dan anak-anak untuk kemuliaan-Nya.

SIAPAKAH YESUS?

Kitab Suci: *Ibrani 1:3-4*

Siapakah Yesus?

Pertama, Yesus adalah “sinar kemuliaan Tuhan.” Jika Tuhan diumpamakan dengan matahari; Kristus pula adalah sinar yang memancar daripadanya. Oleh itu, bertaballah, Cahaya telah datang. Yesus adalah Fajar dari Tempat Tinggi (lihat Luk. 1:78) dan orang-orang yang berjalan dalam kegelapan telah melihat terang yang besar (lihat Yes. 9:2).

Kedua, Yesus adalah “jejak yang tepat dari sifat Tuhan”. Yang tidak kelihatan menjadi kelihatan; misteri itu menjadi jelas. Maka itu bertaballah, kita tidak perlu lagi meneka secara membuta tuli Tuhan itu seperti apa. Banyak sekali pertanyaan tentang Tuhan dijawab dalam Kristus. Bagaimanakah perasaan Tuhan apabila tragedi melanda? Apabila orang yang disayangi meninggal dunia? Adakah Dia peduli?” Yesus mennganis. Dalam Kristus, kita melihat Tuhan yang tidak jauh dan tidak terpisah melainkan Dia yang mengasihi dan mengambil peduli secara mendalam terhadap manusia.

Apa yang Yesus lakukan?

Pertama, Yesus mengadakan “penyucian bagi dosa-dosa kita.” Hanya Dia yang Tidak Berdosa yang dapat melakukan hal ini. Namun hal ini harus dibayar dengan nyawa-Nya, iaitu kematian di kayu salib. Darah yang mengalir dari tangan dan kaki-Nya menghapuskan dosa-dosa kita. Sudah selesai – hukuman dosa dibayar lunas. Kita sekarang telah diampuni dalam kebenaran Kristus.

Kedua, Yesus “duduk di sebelah kanan Tuhan.” Kristus yang disalibkan dikuburkan hanya untuk bangkit kembali. Kematian tidak pernah mempunyai peluang melawan Pemberi Kehidupan. Setelah malam tibalah siang; setelah gelap datanglah fajar. Maka, seperti terbitnya matahari, Kristus naik ke syurga untuk mengambil tempat yang selayaknya sebagai penguasa atas segalanya. Kristus Sang Pemenang telah menang atas dosa, kematian, dan iblis.

Inilah mesej yang tidak tergoncangkan yang kita pegang: “Kristus telah mati, Kristus telah bangkit, Kristus akan datang kembali.”



DOA HARI INI

- Ya Tuhan, terima kasih atas wahyu tentang siapa diri-Mu melalui Anak-Mu, Yesus Kristus. Biarlah mesej yang tidak tergoncangkan tentang kehidupan Kristus, kematian-Nya yang menebus di kayu salib, dan kebangkitan-Nya terpahat dalam hati saya sehingga saya juga dapat menjalani kehidupan Kristian yang berkemenangan. Amin.
- Berdoa agar semangat kemakmuran sejati dapat dirasakan oleh semua rakyat Malaysia dan agar masyarakat miskin, yang memerlukan, dan terpinggirkan akan diutamakan dalam dasar pembangunan ekonomi untuk meminimumkan jurang pengagihan kekayaan di antara masyarakat.
- Berdoa agar gereja-gereja di Malaysia berlandaskan Firman Tuhan, dan agar kita memahami kemakmuran sejati melalui kaca mata Kristus.

DI ATAS SETIAP MALAIKAT

Kitab Suci: *Hebrews Ibrani 1:5-14*

Malaikat – makhluk misteri yang muncul di seluruh Kitab Suci. Seorang malaikat dapat melenyapkan seluruh pasukan yang berjumlah 185,000 orang dalam satu malam (lihat 2 Raja-raja 19:35). Seorang malaikat dapat mengambil nyawa setiap anak sulung daripada seluruh bangsa (lihat Kel. 12:29). Penampakan malaikat begitu mulia sehingga bahkan orang-orang kudus yang paling suci sekalipun tidak dapat bertahan tetapi tersungkur dalam penyembahan (lihat Wahyu 19:10). Kegiatan malaikat sangat memberi kesan sehingga dapat mempengaruhi seluruh bangsa-bangsa (lihat Dan.10).

Ini bermakna malaikat-malaikat tidak boleh dipermainkan. Mereka bukanlah 'cupid' gemuk kecil yang berterbangan seperti yang difikirkan oleh sesetengah orang. Tidak, mereka adalah makhluk yang sangat berkuasa yang diutus oleh Tuhan untuk menyampaikan mesej-mesej-Nya.

Roh-roh yang melayani ini adalah nyala api Tuhan (lihat Ibr. 1:8). Namun, penulis kitab Ibrani ingin kita tahu, jika dibandingkan dengan Kristus, nyala api ini hanyalah lilin bagi Matahari. Sinaran Sang Anak jauh lebih terang dari segala ciptaan.

Bagaimanapun juga, malaikat Gabriel yang sangat dihormati hanyalah seorang utusan yang menyampaikan Mesej yang Tidak Tergoncangkan tentang "berita baik dan sukacita besar bagi semua orang" – bahawa bagi kita telah lahir Juru Selamat (Luk. 2:10-11). Walaupun kita tidak layak, kita adalah penerima mesej yang menakjubkan ini.

Tetapi itu tidak berakhir di situ. Pada akhir zaman, Kitab Suci mengatakan bahawa kita yang mewarisi keselamatan suatu hari nanti akan menghakimi bahkan para malaikat (lihat 1 Kor. 6:3). Cuba fikirkan lagi betapa kuat dan agungnya makhluk-makhluk malaikat ini. Pertimbangkan juga betapa kecil dan lemahnya kita. Hal ini tidak masuk akal kecuali mesej Kristus yang tidak tergoncangkan. Sebab di dalam Dialah yang lemah dijadikan kuat, yang fana dijadikan abadi, yang berdosa dijadikan benar, dan yang rendah hati ditinggikan. Dan demikianlah adanya: Kami akan menghakimi para malaikat. Biarkan hal itu terpahat dalam fikiran kita.



DOA HARI INI

- Ya Tuhan Bapa, "Apakah manusia itu sehingga Engkau memperhatikannya, dan anak manusia yang Engkau kunjungi?" Fikiran kami tidak dapat memahami kasih dan perkenanan tersebut. Engkau telah melimpahkan kepada kami. Biarlah hal itu menjadikan kami rendah hati namun yakin akan Mesej Kristus yang Tidak Tergoncangkan. Amin.
- Berdoa agar rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat menjadi inovatif dalam bidang kepakaran dan idea mereka supaya kita, sebagai sebuah negara, akan maju pesat dengan idea baharu, proses yang dipermudahkan, perkhidmatan yang lebih baik dan kualiti produk.
- Berdoa agar Gereja menjadi inovatif dalam menyampaikan mesej Injil dalam zaman perubahan yang pesat ini supaya kita boleh kekal relevan dan mengikuti keperluan dunia tanpa menjejaskan mana-mana bahagian mesej Injil.

BERI PERHATIAN!

Kitab Suci: *Ibrani 2:1*

Sebuah kereta terkeluar dari jalan, masuk ke dalam parit dan mengorbankan nyawa seluruh keluarga di dalamnya. Pemandu kereta itu tidak memberi perhatian. Seorang pesakit hospital segera meninggal setelah tersalah diagnosis. Doktor tidak memberi perhatian kepada perkara yang sepatutnya. Sebuah perkahwinan berakhir dengan perceraian. Amaran ada di sana tetapi tiada sesiapa yang mengendahnya. Memberi perhatian itu penting; teruk akibatnya jika kita tidak memberi perhatian.

Dan di sini kita diingatkan kembali dalam Kitab Suci bahawa "kita harus lebih memperhatikan apa yang telah kita dengar." Ada kalanya dalam kehidupan anda, Injil dikongsi kepada anda. Anda mendengarnya, menerimanya, memercayainya dan memulakan hidup baharu anda di dalam Kristus. Namun pertanyaan di sini adalah: Adakah anda masih memberi perhatian terhadapnya? Atau adakah kamu terhanyut kepada hal-hal yang lain?

Berhati-hatilah kerana banyak perkara di luar sana yang berebut mendapatkan perhatian anda. Kuasa yang ada sanggup

menghabiskan berbilion-bilion hanya untuk mendapatkan perhatian anda walaupun sedikit. Mereka memahami bahawa perhatian anda sangat berharga. Mengapa? Kerana perhatian anda adalah pintu masuk ke fikiran dan hati anda. Dan apa-apa pun yang memikat hati anda akhirnya akan mempengaruhi keinginan anda. Kita tidak boleh terlalu berhati-hati di sini. Perhatian anda adalah sumber daya yang terbatas. Sekali diberikan, ia akan hilang. Jadilah bijak kepada siapa dan kepada apa anda memberikannya.

Jadi apa penapisnya? Perkataan "hanyut" sangatlah penting. Jika apa-apa yang anda berikan perhatian menyebabkan anda semakin menjauhi Kristus, maka hal itu tidak ada gunanya. "Potonglah," seperti yang Yesus pernah katakan (Mat. 5:30). Kejadian sebuah kereta yang terkeluar dari jalan dan masuk ke dalam parit adalah sebuah tragedi, namun yang lebih buruk lagi adalah kehidupan yang terhanyut ke dalam kekekalan tanpa Tuhan.



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi yang terkasih, Engkau memanggil kami untuk mendekat kepada-Mu meskipun kami sangat mudah terhanyut. Bersihkanlah tangan kami, sucikanlah hati kami, dan ampunilah keragu-ruguan kami. Kami merendahkan diri kami di hadirat-Mu. Arahkanlah pandangan kami kepada-Mu. Amin.
- Berdoa agar semua rakyat Malaysia mengamalkan budaya hormat-menghormati dalam kalangan kepelbagaian kaum kita, menghormati satu sama lain dengan ucapan, tingkah laku dan sikap kita.
- Berdoa agar gereja-gereja dan organisasi Kristian memupuk semangat hormat-menghormati antara satu sama lain, tanpa sebarang rasa saingan, perbandingan, atau kritikan, kerana mengetahui bahawa masing-masing telah dipanggil untuk melayani dalam peranan dan tugas yang diberikan Tuhan.

ISYTIHARKAN LAGI

Kitab Suci: *Ibrani 2:2-4*

Ibrani 2:2 berbicara tentang "mesej yang disampaikan oleh malaikat-malaikat." Beberapa ahli sarjana Alkitab percaya bahawa ini merujuk kepada Taurat – lima kitab pertama Perjanjian Lama. Tradisi Ibrani mengatakan bahawa Taurat telah disampaikan kepada Musa di Gunung Sinai oleh para malaikat. Mesej ini terbukti dapat dipercayai. Setiap berkat atas ketaatan dan penghukuman atas ketidaktaatan yang tertulis dalam Taurat terjadi ke atas umat Israel. Walaupun diberikan Tanah Perjanjian, mereka menyerahkannya melalui ketidaktaatan. Mereka kehilangan warisan mereka. Sebuah "pembalasan yang adil" telah menimpa mereka.

"Tetapi cukuplah mengenai mereka," penulis kitab Ibrani seakan-akan katakan. Tumpuan kini tertuju kepada pembaca. Kita telah diberi mesej yang jauh lebih besar daripada mereka. Mesej yang diisytiharkan tersebut bukan hanya oleh para malaikat tetapi juga oleh Tuhan Yesus sendiri ketika Dia menjadi manusia. Mesej pengampunan bahawa meskipun kita tidak taat, Kristus telah mati untuk kita. Mesej keselamatan bahawa setiap orang yang percaya kepada-Nya

akan memperoleh hidup yang kekal. Mesej pengharapan bahawa semua orang yang bertahan bersama-Nya akan menerima warisan yang tidak dapat binasa. Hal ini jauh lebih besar dari apa pun yang dapat difikirkan atau dibayangkan oleh bangsa Israel.

Dan di sinilah prinsip kepengurusan diterapkan. Tuhan kita Yesus berkata, "Setiap orang yang kepadanya banyak diberi, dari padanya akan banyak dituntut" (Luk.12:48) Jadi apakah yang dituntut daripada kita? Saya percaya ini adalah untuk mengisytiharkan Mesej dengan berani sekali lagi – dalam perkataan dan dalam perbuatan. Bagaimana? Ibrani 2:4 memberi petunjuk kepada kita. Ia memberitahu kita tentang peranan penting Roh Kudus dalam memberikan kesaksian tentang Mesej yang Tidak Tergoncangkan. Seperti pada awalnya, demikian juga pada akhirnya. Datanglah, Roh Kudus!



DOA HARI INI

- "Datanglah, Roh Kudus, penuhilah hati umat-Mu dan nyalakanlah api kasih-Mu dalam mereka." Biarlah kami diberi kuasa oleh-Mu untuk mengisytiharkan mesej Kristus yang tidak tergoncangkan kepada kota-kota kami, bangsa kami, dan kepada bangsa-bangsa di dunia. Amin.
- Berdoa agar kepercayaan antara rakyat dan kerajaan serta antara kumpulan etnik dan kaum akan dipulihkan secara beransur-ansur di bawah usaha Madani supaya kerjasama yang di kalangan rakyat Malaysia menjadi lebih baik.
- Berdoa agar kepercayaan gereja-gereja Malaysia kepada Pencipta dan Penyempurna iman kita akan menjadi tidak tergoncangkan ketika menghadapi masa yang penuh kesusahan dan mencabar ini.

HARI 11-15



**HUBUNGAN YANG
TIDAK DAPAT
DIGONCANGKAN**

Ibrani 2:5 & 3:19



INGAT DIRI KITA

Kitab Suci: *Ibrani 2:5-9*

Umat manusia sangat istimewa di hati Tuhan. Jika dibandingkan dengan malaikat, manusia dalam banyak hal lebih rendah dari segi bentuk dan prestasi. Namun, Tuhan tidak menjadikan dunia ini di bawah taklukan malaikat, melainkan di bawah taklukan umat manusia.

Beberapa waktu kemudian, Tuhan memberi kita teladan dalam diri Yesus. Yesus telah menjadi manusia untuk menunjukkan bahawa Tuhan tidak melupakan atau berputus asa terhadap kita. Yesus telah menjadi manusia agar kita dapat ditebus melalui penderitaan dan kematian-Nya. Dan sebagai manusia, Yesus telah dimahkotai dengan kemuliaan dan kehormatan untuk menunjukkan kepada kita bahawa, meskipun martabat kita rendah dan gagal sebagai manusia, kita akan dimurnikan untuk memerintah bersama-sama dengan Dia di dunia yang akan datang.

Betapa irinya hati para malaikat. Mereka ditugaskan untuk melayani orang-orang yang akan mewarisi keselamatan dan bukannya dipanggil untuk memerintah dunia (lihat Ibr. 1:14). Betapa bahagia dan bersyukur kita seharusnya. Walaupun adanya ketidaktaatan dan dosa kita, Tuhan selalu mengingati kita, bahkan sampai mengorbankan Anak-Nya yang tunggal agar kita dapat diselamatkan. Nabi Yesaya telah mengisytiharkan, *"Dapatkah seorang perempuan melupakan bayinya, sehingga ia tidak menyayangi anak dari kandungannya? Sekalipun dia melupakannya, Aku tidak akan melupakan engkau."*



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, kami tahu kami berharga di mata-Mu kerana kami diingatkan akan kasih karunia penyelamatan-Mu. Terima kasih kerana mencurahkan kasih dan hidup-Mu untuk kami supaya kami dapat disebut sebagai ahli waris Tuhan. Amin.
- Berdoa agar ramai rakyat Malaysia yang memerlukan dan kurang mampu akan menerima bantuan yang berpatutan dan nyata daripada kerajaan sedia ada yang membolehkan mereka keluar dari kesusahan mereka secara kekal dan bukan hanya sementara.
- Berdoa agar gereja dapat mencontohi Kristus yang telah menunjukkan belas kasihan kepada orang yang terpinggir, dan melayani masyarakat kita dengan kasih Yesus yang tidak berbelah bahagi dan tanpa syarat.

TIDAK MALU MEMANGGIL KITA SAUDARA

Kitab Suci: *Ibrani 2:10-18*

Sungguh istimewa dan penuh penghormatan rasanya apabila mengetahui Tuhan dan Juruselamat yang kekal menerima kita, umat manusia, sebagai saudara-saudara-Nya. Dia adalah Tuhan yang kekal, tiada bandingan, dan tiada tandingan. Namun Dia memilih untuk menjadi sama dengan manusia yang berdosa dan lemah seperti kita. Lebih daripada sekadar memanggil kita saudara, Dia telah menjadi satu dalam daging, dengan meninggalkan kemuliaan-Nya dan mengambil ke atas dirinya rupa manusia dan hidup di antara manusia. Dalam bentuk manusia, Dia telah menjadi satu dengan kita dan satu seperti kita.

Sungguh suatu pengorbanan yang merendahkan hati dan besar ketika Dia mengambil jalan itu. Dia juga terus membuktikan bahawa Dia adalah seorang saudara sejati. Siapakah saudara sejati? Seseorang yang membela dan mendukung saudara-saudaranya dalam kesusahan.

Dalam Amsal 17:17, Salomo menulis, "Seorang sahabat menaruh kasih setiap waktu, dan menjadi seorang saudara dalam kesukaran." Maksudnya adalah seseorang yang menjadi atau membuktikan dirinya adalah saudara sejati apabila dia membela dan bersama dengan rakan-rakannya ketika dalam kesusahan.

Dan itulah yang Yesus lakukan untuk kita dan banyak lagi. Ketika manusia berada dalam keadaan yang paling mendesak, Yesus meninggalkan kemuliaan-Nya dan datang ke bumi untuk menyelamatkan mereka dengan nyawa-Nya sendiri supaya mereka dibebaskan. Inilah ungkapan persaudaraan yang paling tinggi - seseorang itu sanggup menyerahkan nyawanya bagi orang lain oleh kerana kasih. Dan sedalam itulah kasih dan perhubungan yang Dia miliki untuk setiap kita yang telah menjadi saudara-Nya!



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, sungguh indah sekali mengetahui bahawa kami dianggap sebagai saudara-saudara-Mu di hadapan takhta Tuhan, Bapa. Terima kasih, melalui tubuh-Mu yang hancur, kami dapat datang kepada Tuhan bukan hanya tanpa rasa malu dan rasa bersalah tetapi juga dengan sukacita dan kedamaian. Kiranya kasih karunia ini dilimpahkan kepada semua orang yang saya kasahi. Amin.
- Berdoa untuk sekolah awam, swasta, antarabangsa dan pendidikan di rumah yang menawarkan kurikulum yang berbeza untuk anak-anak kita. Berdoalah agar anak-anak kita dipupuk dan disiapkan dalam persekitaran yang membina karakter yang kuat, budi pekerti yang baik, dan intelek yang mantap.
- Berdoa agar pusat pendidikan yang dikendalikan oleh gereja mempunyai bilangan tenaga pengajar yang komited dan alkitabiah yang mencukupi untuk menyahut seruan pemeridan. Berdoa agar kesannya melangkaui bilik darjah dan meresap ke dalam semua aspek kehidupan pelajar mereka.

YANG SETIA

Kitab Suci: *Ibrani 3:1-6*

Reputasi dan perwatakan seseorang itu ditakrifkan daripada rekod prestasi dan konsistensinya. Inilah ukuran dalam menentukan kebolehpercayaan dan bergantungannya seseorang.

Yesus dipanggil "Yang Setia dan Yang Benar" dalam Wahyu 19:11. Inilah reputasi yang telah Dia perolehi melalui ketaatan penuh-Nya kepada Bapa seperti yang tertulis dalam Ibrani 3:1-2. Pada akhirnya Dia telah membuktikan kesetiaan-Nya apabila Dia dipanggil untuk menyerahkan nyawa-Nya di kayu salib demi kehendak Bapa dan untuk mengasihani umat manusia. Di taman Getsemani di mana Dia boleh memilih untuk meninggalkan salib dan kematian yang pasti, Dia memilih untuk tetap taat dan setia walaupun sampai mati. Bahkan kematian tidak dapat memujuk Dia untuk meninggalkan kehendak Bapa.

Itulah Tuhan dan Juruselamat yang kita percayai dan ikuti. Tidak ada yang dapat menggoyahkan keputusan dan

tekad-Nya. Apa yang Dia isytiharkan, Dia akan melaksanakannya. Apa yang dijanjikan-Nya, akan ditepati-Nya. Dia bukan manusia, sehingga Dia berdusta, bukan anak manusia, sehingga Dia harus bertaubat. Pernahkah Dia berfirman, dan tidak melakukannya? Atau pernahkah Dia berfirman, dan Dia tidak menjadikannya baik? (lihat Bilangan 23:19) Oleh kerana kesetiaan dan kepedulian-Nya yang terbukti kepada kita, kita boleh bersandar kepada jaminan dan kedamaian yang manis dan semuanya akan baik-baik saja bagi kita. Oleh itu, janganlah kita digoncangkan oleh kekhuru-haraan yang menyelubungi kita dan yakinlah bahawa Dia yang kita percayai akan menjaga kita sehingga ke akhirnya kerana Dialah Yang Setia!



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, Engkau dengan setia mengikuti kehendak Bapa dan telah memerintahkan kami untuk mengikuti jejak-Mu. Tolonglah kami untuk memikul salib kami dengan setia dan menyelesaikan apa-apa pun peranan dan tugas yang telah Engkau percayakan kepada kami juga. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Kewangan menggubal dasar fiskal yang baik, strategik, boleh dicapai dan mampan untuk pembangunan masa depan dan mereka akan menguruskan dana awam kita dengan telus, cekap dan berkesan.
- Berdoa agar orang Kristian dan gereja menjadi pengurus dan bendahara yang setia kepada Tuhan, dan agar gereja tidak mengalami kekurangan tidak kira betapa kecil pun mereka. Berdoa agar tidak ada percanggahan kewangan dan penyelewengan dalam akaun gereja supaya kita boleh menjadi kesaksian hidup kepada dunia.

TRAGEDI YANG BESAR

Kitab Suci: *Ibrani 3:7-19*

Hubungan yang kita terima di dalam Kristus ini sungguh menakjubkan. Dari penciptaan hingga rencana Tuhan yang kekal, umat manusia telah diberi tempat dan peranan penting dalam pemikiran dan rencananya. Apa yang telah diberikan kepada kita sungguh penuh penghormatan dan keistimewaan meskipun kita jauh dari layak menerimanya. Inilah yang Alkitab gambarkan sebagai "kekayaan kasih karunia-Nya yang melimpah-limpah sesuai dengan kebaikan-Nya terhadap kita dalam Kristus Yesus." (Efesus 2:7) Hal ini seharusnya membuat kita berasa sangat bersyukur dan bersukacita. Malangnya, tidak semua orang yang diberkati bersyukur.

Penulis Ibrani memberi amaran kepada kita terhadap ketidakpercayaan dan kemunduran. Dia memberi amaran kepada kita agar tidak mengikuti jejak bangsa

Israel di padang gurun yang telah memilih untuk ragu-ragu, kuat merungut, dan kuat mengeluh terhadap Tuhan meskipun Dia telah membebaskan mereka daripada perhambaan dan kekuasaan Firaun, dan menunjukkan kepada mereka pelbagai tindakan yang besar dari segi pemeliharaan dan kebaikan-Nya. Hal ini pada akhirnya mengakibatkan mereka gagal masuk ke Tanah Perjanjian. Ini benar-benar sebuah tragedi. Mari kita belajar dan bertaubat daripada kesilapan tragik bangsa Israel dan sedar serta bersyukur atas semua yang telah Dia lakukan untuk kita.



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, Engkau membayar harga yang mahal bagi setiap kami, untuk mendamaikan kami dengan Tuhan. Tolonglah kami supaya kami selalu diingatkan akan hati-Mu yang tertuju kepada kami agar kami tidak sesat, tersandung, atau jatuh. Lindungilah kami dalam tangan-Mu, kerana kami percaya pada tuntunan dan kuasa-Mu yang akan memulihkan kami setiap kali kami jatuh. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Kesihatan melaksanakan cara kreatif untuk memupuk kesedaran kesihatan yang kukuh di kalangan rakyat Malaysia melalui media sosial dan program. Berdoa untuk pembaharuan sistem penjagaan kesihatan untuk memenuhi keperluan penjagaan perubatan yang semakin meningkat.
- Berdoa agar orang Kristian menjaga tubuh mereka yang merupakan bait Tuhan. Berdoa terutamanya untuk para pastor agar mereka dapat mengekalkan kesihatan mental dan fizikal mereka di samping kesejahteraan rohani mereka.

BERPEGANG TEGUH SAMPAI AKHIR

Kitab Suci: *Ibrani 3:7-19*

Walaupun telah dipanggil dan diberi keistimewaan untuk mewarisi Tanah Perjanjian, semua yang keluar dari Mesir mati di padang gurun, kecuali Yosua dan Kaleb. Orang Israel kehilangan warisan mereka kerana mereka gagal berpegang teguh pada keyakinan mereka hingga akhir dan meninggalkan Tuhan yang hidup dengan hati yang jahat kerana ketidakpercayaan yang mengeras melalui tipu daya dosa (lihat Ibrani 3:12-14).

Penulis Ibrani merujuk kepada ini kerana pembaca Ibrannya juga telah melakukan kesilapan yang sama dalam meninggalkan iman mereka kepada Kristus dan kembali kepada kepercayaan Yahudi mereka yang lama. Mereka berisiko kehilangan keselamatan mereka dengan meragui pekerjaan Kristus yang telah lengkap di kayu salib dan kembali kepada kebenaran yang

hanya berdasarkan Hukum Musa, yang hanyalah merupakan bayangan tetapi bukan jalan yang sebenarnya.

Keselamatan itu pasti selagi kita berpegang teguh pada keyakinan kita hingga akhir. Namun, ia boleh hilang jika kita berpaling daripada Dia dan meninggalkan iman kita. Oleh itu, jika kita ingin mengekalkan keselamatan ini dan masuk ke takdir kekal kita bersama Kristus, kita mesti berpegang pada iman ini sehingga akhir. Dan jika kita telah menyimpang daripada iman kita, satu-satunya cara yang dapat menyelamatkan kita adalah dengan bertaubat dan kembali kepada-Nya. Dia tidak akan pernah menolak sesiapa yang bertaubat dan kembali kepada-Nya kerana Dia adalah Tuhan yang Setia. Betapa penuh belas kasihan dan baiknya Tuhan kita!



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, saat kami memandang rendah kelemahan kami, kami memandang kesempurnaan-Mu. Kami tahu bahawa Engkau lah yang mengubah kami hari demi hari dengan kuasa kebangkitan-Mu dan kasih Roh yang memperbaharui. Pimpinlah kami untuk menghadapi godaan dan kesukaran dalam kehidupan supaya kami dapat berpegang pada nama-Mu sehingga nafas terakhir kami. Amin.
- Berdoa agar isu kemiskinan di kalangan masyarakat petani luar bandar seperti kekurangan tenaga kerja dan produktiviti dan kualiti yang rendah, ditangani dengan sewajarnya oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
- Berdoa agar Tuhan memberikan hikmat kepada banyak gereja dan organisasi Kristian yang terlibat dalam projek pertanian. Berdoa agar mereka dapat menyumbang kepada pertumbuhan negara dalam industri pertanian dan makanan dengan pengalaman dan kepakaran yang mereka peroleh.

HARI 16-20



**PERJALANAN
YANG TIDAK DAPAT
DIGONCANGKAN**

Ibrani 4 & 5



JANGAN KETINGGALAN

Kitab Suci: *Ibrani 4: 1 – 6*

“Okay, saya akan berada di sana sebelum jam 7 pm.” jawab seorang pemuda yang berniat untuk menumpang van gereja yang ingin mengambilnya untuk ke gereja. Malangnya, dia tidak pernah muncul. Van gereja itu telah menunggu sehingga melepasi masa yang dipersetujui tetapi terpaksa meninggalkannya kerana perlu mengambil jemaah yang lain di tempat yang lain.

Ayat 1 dalam ayat Alkitab hari ini memberi amaran agar jangan ada di antara kita yang dianggap ketinggalan, seperti pemuda tadi kerana dia tidak menepati janjinya untuk muncul sebelum jam 7 pm. Kita juga boleh gagal memasuki perhentian-Nya. Tuhan telah berjanji dengan umat Israel melalui Musa bahawa Dia akan memimpin mereka masuk ke Tanah Perjanjian atau tempat perhentian (lihat ayat 3). Namun, berita baik ini tidak lagi membawa kepada kegembiraan kerana iman mereka tidak seiring dengan apa yang telah mereka dengar. Ibrani 4:2 menyatakan, “...tetapi firman pemberitaan itu tidak berguna bagi mereka, karena tidak bertumbuh bersama-sama oleh iman dengan mereka yang mendengarnya.”

Ketidakpercayaan umat Israel terbukti melalui sikap mereka yang kuat merungut dalam pelbagai keadaan. Ketika tentera Firaun mendekati mereka, umat Israel mengadu kepada Musa. (Kel. 14: 11 – 12). Setelah melewati Laut Merah dan tiba di Marah, umat Israel mengeluh kerana air yang pahit. (Kel. 15:22-24). Di padang gurun Sinai, ketika mereka kekurangan makanan, mereka merungut lagi dan merindukan makanan di Mesir. (Kel. 16:2-3). Di Rafidim, ketika kekurangan air, mereka merungut lagi. (Keluaran 17:1-4). Akibatnya, mereka ketinggalan daripada memasuki Tanah Perjanjian.

Hidup ini tidak selalu mudah atau indah. Keadaan dan cabaran hidup mungkin membuatkan kita berasa geram dan merungut tetapi ketika berjalan bersama Yesus, Sang Raja Damai, kita akan tetap damai. Iman kita tidak akan goyah selagi dasar iman kita ada di dalam Yesus dan bukan pada dunia ini. Berwaspadalah sahabat-sahabat, kuat merungut dan tidak percaya kepada janji Tuhan akan membuat kita ketinggalan, walaupun janji tersebut adalah masuk ke dalam perhentian-Nya.



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, selaraskan hati dan iman kami agar tertumpu kepada-Mu, bukan pada dunia ini. Daripada kami merungut, bantulah kami untuk bersyukur apabila masalah dan cabaran datang. Teguhkanlah iman kami kepada-Mu dan bukan kepada keadaan dunia ini atau segala percubaannya. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Ekonomi mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan juga membina daya tahan untuk sebarang krisis ekonomi masa depan yang tidak dijangka.
- Berdoa agar gereja yang mengalami kemerosotan dalam persepuluhan dan persembahan mereka akan mencari cara untuk membayar sewa, kemudahan dan pekerja mereka, dan agar jemaah mereka akan dijamah oleh Tuhan untuk memberi dengan setia.

SABAT: GAMBARAN FIZIKAL PERHENTIAN ALLAH

Kitab Suci: *Ibrani 4:7 – 12*

Ayat-ayat ini membicarakan bahawa konsep perhentian tidak hanya terbatas pada hari Sabat mingguan, tetapi juga merupakan gambaran dari keadaan perhentian yang lebih dalam yang dapat dicapai melalui iman dan ketaatan kepada Tuhan.

John Calvin, seorang ahli teologi Reformasi Protestan yang terkenal, berpendapat bahawa Sabat fizikal dari Perjanjian Lama telah dipenuhi dalam Kristus dan bahawa umat Kristian tidak lagi wajib untuk memelihara hari Sabat secara harfiah.

Mat 12:8 menyatakan, "*Karena Anak Manusia adalah Tuhan atas hari Sabat.*" Calvin mengajarkan bahawa Kristus adalah Sabat yang sempurna, dan ketika seseorang memiliki iman pada Kristus, ia memasuki perhentian yang sejati.

Tuhan benar-benar mahu kita masuk ke dalam perhentian yang Tuhan sediakan, sama seperti Tuhan berhenti dari pekerjaan-Nya pada hari ke-7. Mengapa? Bukan sebab Dia perlu berehat tetapi kerana Dia telah menunjukkan teladan

kepada kita manusia agar berehat dari semua kesibukan duniawi dan masuk ke dalam perhentian yang Tuhan sediakan. Tugas pekerjaan tak akan pernah habis tetapi tubuh jasmani kita boleh kehabisan tenaga jika tidak direhatkan. Asingkanlah masa untuk berehat bersama keluarga kamu, dan praktikkanlah Sabat dalam hadirat Tuhan supaya kita tidak kita jatuh kepada ketidaktaatan seperti yang telah dilakukan oleh bangsa Israel ketika mereka dipimpin oleh Musa.

Saya percaya jika kita membiasakan diri kita masuk ke dalam perhentian Tuhan; berehat dari segala pekerjaan kita dan datang ke hadirat Tuhan, maka perjalanan iman kita takkan tergoncangkan - **Jalan yang tidak tergoncangkan.** Kerana Firman Tuhan seumpama pedang yang membimbing perjalanan rohani kita. Berusahalah untuk masuk ke perhentian yang lebih dalam melalui iman dan ketaatan kepada firman Tuhan, yang memiliki kekuatan untuk menyelami dan memahami fikiran dan hati manusia.



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, ajarlah kami untuk benar-benar memahami erti perhentian-Mu. Berikanlah kami ketaatan kepada Firman-Mu, dan berikanlah kami perhentian yang telah Engkau janjikan ketika kami menyerahkan segala usaha kami kepada-Mu. Ketika menghadapi cabaran, ajarilah kami untuk mengucap syukur dan tetap berpaut teguh kepada-Mu. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah akan terus mewujudkan infrastruktur dan kemudahan yang sesuai di kawasan luar bandar untuk meningkatkan kualiti hidup keseluruhan masyarakat luar bandar.
- Berdoa agar gereja masyarakat luar bandar membina jambatan untuk kerja-kerja Injil melalui usaha penjangkauan mereka, dan agar mereka menjadi kuat dalam pemuridan kanak-kanak dan remaja. Berdoa juga agar mereka mampan dari segi kewangan.

TIADA YANG TERSEMBUNYI DI HADAPAN TUHAN

Kitab Suci: *Ibrani 4:13 – 16*

Ayat-ayat ini mengingatkan kita bahawa tidak ada yang tersembunyi di hadapan Tuhan. Fikiran, perasaan, dan tindakan kita terdedah di hadapan-Nya. Ini adalah panggilan untuk hidup dalam ketaatan dan kejujuran, mengakui bahawa segala sesuatu telanjang di hadapan-Nya.

Namun, kita seringkali tidak menyedari bahawa keMahaTahuan Tuhan seharusnya memberi kesan kepada tingkah laku seharian kita. Kita harus sedar bahawa Yesus, Imam Besar kita, tidak hanya berada di syurga, tetapi Ia juga memahami kelemahan dan pencubaan yang kita sentiasa hadapi di dunia. Dia telah mengalami dunia seperti yang kita alami (lihat ayat 15). Maka, berpegang teguhlah kepada imanmu dalam Imam Besar kita Yesus Kristus. Dia akan mengampuni kita, Dia ada untuk memberikan penghiburan dan kepastian.

Pengakuan iman kita adalah satu cabaran untuk tidak mengubah atau mengurangkan kebenaran iman kita. Ia adalah dasar yang

kukuh untuk kehidupan kita, membimbing kita dalam ketaatan kepada Tuhan (ayat 14).

Mendekatlah kepada takhta kasih karunia-Nya. Kita diajak untuk mendekati takhta kasih karunia dengan keberanian. Keberanian yang dimaksudkan ayat ini adalah sinonim dengan iman kerana orang yang beriman pasti ada keberanian. Kita dapat melihat dalam keseluruhan bab 11 kitab Ibrani bagaimana pahlawan iman menghadapi situasi yang sukar dan seakan-akan mustahil untuk diselesaikan tetapi dengan iman mereka dapat menghadapinya dan menang. Kamu dan saya juga pasti dapat melakukan perkara yang sama, iaitu dengan iman.

Hampirilah tahta kasih karunia-Nya dengan iman sebab di sana Imam Besar Agung kita telah bertakhta, daripada siapa kita nenerima belas kasihan untuk membimbing perjalanan iman kita yang tidak tergoncangkan (lihat ayat 16).



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, ajarilah kami untuk hidup dengan benar di hadapan Engkau, Sang Imam Besar dalam hidup kami. Kami berdoa biarlah Roh Kudus menguatkan iman kami agar kami tetap setia ketika kami menghampiri takhta Tuhan dengan pertaubatan. Biarlah belas kasihan-Mu mengalir berkelimpahan ketika kami mencari perlindungan dalam-Mu. Amin.
- Berdoa agar kerajaan cekap dalam membantu meminimumkan kos transformasi dan penerimaan, terutamanya dalam sektor pendidikan, seiring dengan inisiatif Digital Malaysia yang terus memacu pendigitalan merentas semua sektor kehidupan.
- Berdoa agar gereja di Malaysia memaksimumkan penggunaan teknologi untuk membantu kita menyampaikan Injil dengan berkesan dalam era digital.

YESUS KRISTUS, IMAM BESAR YANG LEBIH BAIK

Kitab Suci: *Ibrani 5: 1 - 7*

Renungan:

Bahagian ayat ini mengajak kita untuk memahami peranan imam besar dalam Perjanjian Lama dan membandingkannya dengan peranan Kristus sebagai Imam Besar yang kekal. Imam besar adalah perantara antara manusia dan Tuhan, dipilih dari kalangan manusia dan terikat oleh kelemahan. Di sisi lain, Kristus, sebagai Imam Besar yang sempurna, tidak mengangkat diri-Nya, tetapi menerima gelaran itu daripada Tuhan.

Ketidakupayaan imam besar manusia untuk menangani dosa mereka sendiri dan dosa orang lain memperlihatkan keperluan untuk Imam Besar yang lebih baik. Kristus adalah jawapan kepada keperluan itu. Dia bukan sahaja memahami kelemahan kita, tetapi juga telah mengalahkan maut melalui kebenaran dan kemenangan-Nya di kayu salib.

Marilah kita merenungkan bagaimana peranan Kristus sebagai Imam Besar yang kekal telah memberi kesan kepada kita secara rohani untuk mengubah kita untuk menjadi semakin serupa seperti Kristus. Yesus sebagai Imam Besar yang kekal seharusnya mengingatkan kita bahawa kita tidak dapat menyelamatkan diri sendiri, tetapi hanya melalui Yesus kita diselamatkan daripada dosa dan kematian. Memiliki jalan yang tidak tergoncangkan bukan bermakna hidup kita tidak akan ada cabaran dan penderitaan, tetapi ada Yesus Imam Agung kita yang akan senantiasa mendengarkan doa serta tangisan kita (lihat ayat 7). Sebagai anak-anak Tuhan, kita tidak dijanjikan kekebalan daripada dosa, tetapi kita dikuatkan oleh kasih karunia-Nya. Apabila kita menyedari ketidakmampuan kita dalam menjalani kehidupan di dunia ini, kita diundang untuk mendekat kepada Dia dalam keintiman dan untuk menikmati kepenuhan-Nya dalam hidup kita.



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, terima kasih menjadi Imam Besar kami. Kami serahkan kepada-Mu mereka yang belum menerima-Mu sebagai Tuhan dan Juruselamat agar mereka menerima kasih karunia keselamatan melalui Engkau. Kiranya Engkau juga memberikan kami kekuatan, penghiburan dan iman yang tak tergoncangkan, khususnya bagi mereka yang melayani dalam pelbagai pelayanan.
- Berdoa agar bantuan dan perkhidmatan kebajikan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan diperluaskan untuk memberi manfaat kepada sektor masyarakat yang lebih lemah seperti kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, orang miskin, NGO dan mangsa bencana.
- Berdoa agar gereja-gereja Malaysia yang menjangkau komuniti yang kurang berupaya akan dilengkapi dengan baik untuk menangani cabaran mereka dan mereka akan memampukan komuniti ini berdikari.

BELAJAR KETAATAN

Kitab Suci: *Ibrani 5:8 – 14*

Istilah “belajar ketaatan” yang digunakan dalam Ibrani 5:8 tidak bermaksud Yesus memiliki kekurangan dalam ketaatan atau kepatuhan kepada Tuhan. Dalam konteks ini, istilah “belajar” lebih merujuk pada pengalaman hidup Yesus sebagai manusia di bumi dan penderitaan-Nya selama menjalani misi-Nya sebagai Juruselamat.

Yesus, sebagai Tuhan yang menjelma dalam rupa manusia, memilih untuk mengalami kehidupan manusia dengan semua kecenderungan dan penderitaannya. Melalui pengalaman tersebut, Dia menjalani setiap aspek kemanusiaan, merasakan godaan, pencubaan, dan penderitaan seperti yang dialami manusia. Ini bukanlah proses “belajar” dalam erti kekurangan pengetahuan atau ketaatan, tetapi lebih sebagai pengalaman hidup-Nya sebagai manusia.

Bagaimana dengan kita hari ini? Sering kali dengan pelbagai cabaran, godaan dan penderitaan hidup ini membuat kita menjadi tidak taat dan tidak setia. Kita gagal untuk taat kepada pengajaran

Firman dan kehendak Tuhan. Akibatnya kita tidak lagi setia kepada Tuhan gara-gara tawaran dunia ini. Sebab itulah penulis kitab Ibrani berkata makanan keras adalah untuk mereka yang matang dalam iman. Hanya seseorang yang matang secara rohani boleh terus mempelajari ketaatan dan kesetiaan.


Renungkan, di tahun 2024 ini sudah berapa tahun kita menjadi orang Kristian? Adakah kita masih mengambil susu rohani atau makanan keras rohani? Jika ditinjau dari sudut waktu, mungkin sepatutnya kita sudah menjadi guru atau teladan rohani kepada mereka Kristian yang masih “bayi” sekarang. Tetapi, jika kita tidak mahu taat dan setia pada Firman dan kehendak Tuhan maka kita masih tergolong sebagai “bayi Kristian”. Mari fikirkan bagaimana kita boleh terus bertumbuh dalam ketaatan kepada Kristus melalui pengalaman hidup kita.

Juga, mari renungkan peranan kita dalam mengajar dan menerima ajaran rohani, dan bagaimana kita dapat membangun dan memperkuatkan satu sama lain.



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, terima kasih atas Firman-Mu hari ini. Tolonglah kami untuk bertumbuh lebih kuat dalam ketaatan dan untuk memahami kebenaran rohani yang lebih mendalam melalui Roh Kudus. Kami berdoa kiranya kerinduan ini akan membantu kami menjadi lebih matang dalam iman kami sebagai orang percaya dan untuk menjalani kehidupan yang tak tergoncangkan dalam perjalanan kami bersama-Mu. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam berusaha untuk memulihara alam sekitar kita dengan adanya pembangunan, ini akan menerima sokongan penuh daripada semua pihak berkepentingan untuk hasil yang berjaya.
- Berdoa agar, sebagai agen Tuhan di bumi, Gereja akan belajar untuk menyampaikan nilai-nilai yang sesuai dan beretika dan mewujudkan kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar supaya generasi kita sekarang dan akan datang menjaga alam sekitar kita sebagai amalan harian.



HARI 21-25

PENGHARAPAN YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

Ibrani 6 & 7



HARAPAN PERTUMBUHAN DALAM YESUS

Sebab itu marilah kita tinggalkan asas-asas pertama dari ajaran tentang Kristus dan beralih kepada perkembangannya yang penuh. Janganlah kita meletakkan lagi dasar pertobatan dari perbuatan-perbuatan yang sia-sia, dan dasar kepercayaan kepada Allah, yaitu ajaran tentang pelbagai pembaptisan, penumpangan tangan, kebangkitan orang-orang mati dan hukuman kekal. Dan itulah yang akan kita perbuat, jika Allah mengizinkannya. (Ibrani 6:1-3)

Ramai orang percaya tidak bertumbuh di dalam Kristus kerana mereka hanya berpegang kepada doktrin asas. Sebenarnya masih banyak lagi yang harus dipelajari dan ini adalah proses yang memerlukan masa. Hanya dengan mengenal Yesus dengan lebih dalam lagi kita dapat bertumbuh dari kemuliaan ke kemuliaan dan menjalani kehidupan Kristian yang berkemenangan.

Tuhan telah memberi kita Roh Kudus sebagai pendamping kita. Pekerjaan Roh Kudus adalah untuk mengajar kita, memberikan wahyu, membimbing dan bahkan menyedarkan kita akan dosa-dosa kita. Kita harus bertumbuh dalam Roh supaya kita akan mengetahui apa yang berasal dari Tuhan dan apa yang tidak berasal dari

Tuhan. Roh Kudus mampu membawa kita ke tingkat yang lebih tinggi dan membantu kita melampaui prinsip-prinsip dasar dengan karunia-karunia-Nya dalam pengertian, kebijaksanaan, dan pemahaman.

Dalam Yohanes 15:1-5, Yesus mengatakan kepada kita bahawa Dia adalah pokok anggur dan kita adalah ranting-rantingnya. Kesuburan kita bergantung pada ketaatan kita kepada-Nya. Dia memangkas kita agar menghasilkan lebih banyak buah. Pohon yang masih muda tidak dapat berbuah jika pohon itu belum dewasa.

Yesus berkata dalam Yohanes 14:12, "Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan melakukan juga pekerjaan-pekerjaan yang Aku lakukan, bahkan pekerjaan-pekerjaan yang lebih besar dari pada itu. Sebab Aku pergi kepada Bapa." Kita tidak akan mampu melakukan pekerjaan yang lebih besar dan memenuhi panggilan-Nya kecuali kita bertumbuh dengan matang dalam Dia.

Ketika kita menjadi matang dalam Dia dan berdiam dalam Roh Kudus, kita tidak akan jatuh kerana dosa.



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi yang dikasihi, Engkau adalah Tukang kebun anggur, Yesus adalah Pokok Anggur dan kami adalah ranting-rantingnya. Terima kasih atas pengalaman yang memberi kehidupan yang kami alami dalam Kristus. Selama kami kekal dalam Kristus, kiranya Firman dan Roh-Nya menguatkan kami setiap hari supaya kami terus bertumbuh, berkembang, dan berbuah bagi kemuliaan-Mu. Dalam nama Yesus, Amin!
- Berdoa agar, di bawah kepimpinan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, isu perumahan dan alam sekitar bandar, seperti isu kepadatan penduduk dan pencemaran, dapat ditangani dengan sewajarnya untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik untuk masyarakat bandar.
- Berdoa agar hubungan yang kukuh akan dibina di antara gereja bandar dan komuniti mereka. Berdoa agar gereja-gereja tempatan akan lebih terlibat dan diintegrasikan ke dalam komuniti mereka semasa mereka menjangkau individu yang tidak bergereja.

WARISAN MENGIRINGI KESELAMATAN

Tetapi, hai saudara-saudaraku yang kekasih, sekalipun kami berkata demikian tentang kamu, kami yakin, bahwa kamu memiliki sesuatu yang lebih baik, yang mengandung keselamatan. Sebab Allah bukan tidak adil, sehingga Ia lupa akan pekerjaanmu dan kasihmu yang kamu tunjukkan terhadap nama-Nya oleh pelayanan kamu kepada orang-orang kudus, yang masih kamu lakukan sampai sekarang. Tetapi kami ingin, supaya kamu masing-masing menunjukkan kesungguhan yang sama untuk menjadikan pengharapanmu suatu milik yang pasti, sampai pada akhirnya, agar kamu jangan menjadi lamban, tetapi menjadi penurut-penurut mereka yang oleh iman dan kesabaran mendapat bagian dalam apa yang dijanjikan Allah. (Ibrani 6:9-12)

Kerana keselamatan kita dalam Kristus Yesus telah memulihkan hubungan kita dengan Tuhan, kini kita dapat memanggil Dia, Abba, Bapa. Roma 8:16 mengatakan kita adalah anak-anak Tuhan. Ayat 17 mengatakan "Dan jika kita adalah anak, maka kita juga adalah ahli waris, maksudnya orang-orang yang berhak menerima janji-janji Allah, yang akan menerimanya bersama-sama

dengan Kristus, yaitu jika kita menderita bersama-sama dengan Dia, supaya kita juga dipermuliakan bersama-sama dengan Dia."

Efesus 2:10 mengatakan, "Karena kita ini buatan Allah, diciptakan dalam Kristus Yesus untuk melakukan pekerjaan baik, yang dipersiapkan Allah sebelumnya. Ia mau, supaya kita hidup di dalamnya." Marilah kita melakukan pekerjaan baik dan bekerja demi Nama-Nya kerana itu adalah penyelamatan. Mengasahi Tuhan dan sesama merupakan perkara penting dari sifat baru kita dalam Kristus Yesus.

Tuhan mengingati perbuatan baik, kasih, dan jerih payah kita untuk Kerajaan-Nya kerana Dia adil. Marilah kita terus bertekun lebih gigih lagi dengan pengharapan dapat mewarisi janji-janji-Nya pada masanya sambil menunggu dengan sabar. Kita bertahan kerana pengharapan dan pengharapan ini tidak akan pernah mengecewakan. Roma 5:5 mengatakan, "Dan pengharapan tidak mengecewakan, kerana kasih Allah telah dicurahkan di dalam hati kita oleh Roh Kudus yang telah dikaruniakan kepada kita."



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi yang dikasihi, kami berterima kasih kepada-Mu kerana mengingati pekerjaan kami, walaupun tidak signifikan jika dibandingkan dengan pekerjaan Anak-Mu, Yesus. Kami dapat melakukan pekerjaan yang baik kerana Engkau telah membolehkan kami berbuat demikian, dan kami menantikan Hari yang akan datang apabila kami akan mewarisi Kerajaan yang telah Engkau sediakan untuk mereka yang mentaati Engkau. Dalam nama Yesus, kami berdoa, Amin!
- Berdoa agar pembaharuan yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk membentuk belia dan budaya sukan akan terus maju dan agar semangat kasih sayang, kecemerlangan dan perpaduan akan dibangunkan dengan kukuh dalam diri belia Malaysia.
- Berdoa agar gereja-gereja di kawasan bandar dan luar bandar menjadi kreatif apabila menjangkau komuniti belia mereka, dan agar program yang mereka reka akan menarik belia namun, pada masa yang sama, membimbing mereka kepada Kebenaran dalam Yesus.

JANJI TUHAN YANG TIDAK TERGONCANGKAN

Sebab ketika Allah memberikan janji-Nya kepada Abraham, Ia bersumpah demi diri-Nya sendiri, karena tidak ada orang yang lebih tinggi dari pada-Nya, kata-Nya: "Sesungguhnya Aku akan memberkati engkau berlimpah-limpah dan akan membuat engkau sangat banyak." Abraham menanti dengan sabar dan dengan demikian ia memperoleh apa yang dijanjikan kepadanya. (Ibrani 6:13-15)

Tuhan, secara sifat-Nya, tidak berbohong, dan Dia setia kepada janji-janji-Nya. Dia berjanji bahawa Dia akan memberkati Abraham dan memperbanyak keturunannya; memeterai sumpah-Nya dengan bersumpah atas diri-Nya sendiri kerana tidak ada yang lebih besar daripada Dia. Janji ini sekarang telah dimeterai dan dijamin, dan Tuhan pasti akan memenuhinya dengan cara apa pun. Bilangan 23:19-20 mengatakan, "Allah bukanlah manusia, sehingga Ia berdusta bukan anak manusia, sehingga Ia menyesal. Masakan Ia berfirman dan tidak melakukannya, atau berbicara dan tidak menepatinya? Ketahuilah, aku mendapat perintah untuk memberkati, dan apabila Dia memberkati, maka aku tidak dapat

membalikannya." Berkat Tuhan tidak dapat diubah, demikian juga janji-janji-Nya. Kehidupan semua golongan patriark, bangsa Israel, dan tokoh-tokoh besar dalam Tuhan di seluruh Alkitab berpusat pada janji-janji Tuhan. Janji-janji Tuhan yang tidak tergoncangkan telah mengubah kehidupan dan masih mengubah kehidupan sesiapa sahaja, termasuk kita.

Tuhan mempunyai banyak janji bagi kita yang mencari wajah-Nya, mendengar suara-Nya dan membaca firman-Nya setiap hari. Dalam Yeremia 29:11, Tuhan mengadakan perjanjian dengan bangsa Israel ketika mereka ditawan di Babel dan mereka berpegang kepada janji-Nya selama 70 tahun sampai janji itu terjadi.

Kita, keluarga kita, dan Gereja secara keseluruhan memiliki janji pengharapan yang akan digenapi oleh Tuhan pada waktu-Nya. Marilah kita berpegang teguh pada janji-janji ini, baik secara individu mahupun bersama, sebagai "Ia yang memanggil kamu adalah setia, Ia juga akan menggenapinya." (1 Tesalonika 5:24)



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi yang dikasihi, terima kasih atas semua janji baik-Mu dalam Kristus Yesus. Kami yakin bahawa kami mempunyai pengharapan dan masa depan, dan kami lebih daripada sekadar pemenang atas segala rintangan dalam hidup ini. Kami percaya pada janji-janji-Mu yang tidak pernah gagal. Dalam nama Yesus, Amin.
- Berdoa agar Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di bawah Jabatan Perdana Menteri mencapai tiga fokus utamanya iaitu mengeluarkan lebih ramai orang daripada muflis, memperkukuh perkhidmatan bantuan guaman dan mengambil tindakan terhadap 'scammer'.
- Berdoa agar peguam dan pekerja perundangan Kristian akan menegakkan kedua-dua undang-undang negara dan hukum-hukum rohani dalam Alkitab sambil menggunakan sepenuhnya kepakaran mereka dalam membela orang yang memerlukan dan yang tidak bersalah serta menegakkan kebenaran dan keadilan Tuhan di bumi.

BERPEGANG TEGUH PADA KRISTUS

Pengharapan itu adalah sauh yang kuat dan aman bagi jiwa kita, yang telah dilabuhkan sampai ke belakang tabir, di mana Yesus telah masuk sebagai Perintis bagi kita, ketika Ia, menurut peraturan Melkisedek, menjadi Imam Besar sampai selama-lamanya. (Ibrani 6:19-20)

Firman Tuhan mengingatkan kita sebagai orang percaya bahawa pengharapan kita kepada Yesus Kristus adalah teguh dan terjamin. Itu adalah sauh bagi jiwa kita. Dasar pengharapan ini adalah berdasarkan pada kenyataan bahawa sifat Tuhan tidak berubah dan janji-janjinya tidak dapat diubah.

Ribut, cabaran, percubaan dan ketidakpastian dalam kehidupan dapat menyebabkan jiwa kita menjauh dari Kristus dan rancangan-Nya bagi kita. Dalam surat Rasul Paulus, 1 Tesalonika 5:23, dia menulis, "... semoga roh, jiwa dan tubuhmu terpelihara sempurna dengan tak bercacat ..." Mazmur 23:3 mengatakan, "Ia menyegarkan jiwaku. Ia menuntun aku di jalan yang benar oleh karena nama-Nya." Jiwa kita hendaknya

senantiasa berpegang teguh pada pengharapan dalam Kristus Yesus agar kita tidak tersesat. Sebagaimana sauh kapal menjaga kapalnya agar tidak hanyut, demikian juga jiwa kita harus memegang kuat pada-Nya. Kita boleh rasa damai bahkan ketika ribut kehidupan melanda kita jika kekuatan kita berasal dari-Nya.

Pengharapan ini yang ada dalam Yesus sangat teguh dan terjamin kerana Dia telah masuk ke tempat Maha Kudus dan memberi penebusan atas dosa-dosa kita sebagai Imam Besar kita yang hidup selama-lamanya menurut peraturan Melkisedek.

Marilah kita periksa diri kita hari ini untuk melihat sama ada jiwa kita bersauh kuat dalam Yesus Kristus.

Jika anda putus harapan kerana masalah hidup, apa pun itu, janganlah berputus asa. Tanamkan jiwa, tubuh, dan roh anda pada pengharapan yang tidak tergoncangkan yang kita miliki dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi yang dikasihi, kerana segala perkara di dunia ini berubah secara pesat, kami mendapat keamanan dalam Firman dan Karya Anak-Mu yang dijanjikan. Kami dapat berdiri teguh dan kekal tidak tergoncangkan apabila kami menambat hidup kami pada Pemberi Kehidupan, Yesus Kristus. Kami memuji Engkau dan berterima kasih atas Sang Anak, Pelopor iman kami. Dalam nama-Nya yang berharga, kami percaya. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Sumber Manusia memainkan peranannya dengan baik dalam melaksanakan Dasar Gaji Progresif, dan dalam membantu rakyat Malaysia dalam perkara seperti memaksimumkan kemahiran mereka, meningkatkan peluang pekerjaan, dan meningkatkan keselamatan pekerjaan dan faedah kesihatan mereka.
- Berdoa agar gereja-gereja Malaysia setia dan mahir dalam menguruskan sumber manusia mereka. Berdoa agar pelayanan lima jabatan dan semua karunia rohani akan dilaksanakan sepenuhnya supaya umat Tuhan dibangunkan dalam iman dan perbuatan baik bagi Tuhan.

SYAFAAT IMAM BESAR YANG KEKAL

Dan dalam jumlah yang besar mereka telah menjadi imam, karena mereka dicegah oleh maut untuk tetap menjabat imam. Tetapi, karena Ia tetap selama-lamanya, imam-Nya tidak dapat beralih kepada orang lain. Karena itu Ia sanggup juga menyelamatkan dengan sempurna semua orang yang oleh Dia datang kepada Allah. Sebab Ia hidup senantiasa untuk menjadi Pengantara mereka. (Ibrani 7:23-25)

Seluruh fasal dalam Ibrani 7 berbicara tentang imam-at Yesus menurut peraturan Melkisedek dan bukanlah menurut peraturan Harun. Itu adalah Sumpah Tuhan Bapa yang mengutus Dia; para imam bertindak sebagai jambatan perantara antara manusia dan Tuhan tetapi ketika seseorang imam duniawi meninggal dunia, pekerjaan imamatnya dalam mempersembahkan korban haiwan bagi dosa-dosanya dan juga dosa-dosa manusia juga terhenti (lihat ayat 23-24.) Sebaliknya, Yesus hanya perlu mempersembahkan diri-Nya satu kali untuk selama-lamanya sebagai korban bagi segala dosa manusia. Dia mati dan bangkit kembali untuk hidup selama-lamanya sebagai Imam Besar. Kita hanya memperoleh jaminan keselamatan jika kita datang kepada Tuhan melalui Dia (lihat Yohanes 14:6).

Kita sebagai orang percaya mungkin meminta doa dari para pastor, pemimpin doa, dan kawan-kawan untuk semua keperluan, kesihatan, hubungan kita, dan untuk banyak situasi yang lain. Kita cenderung lupa bahawa Yesus, Imam Besar kita yang hidup selama-lamanya, terus menyelamatkan dan bersyafaat bagi kita. Yesus berdoa untuk murid-murid-Nya dalam Yohanes 17, dan dalam ayat 20, Dia berdoa untuk kita semua yang datang kepada-Nya hari ini.

Dia sentiasa berdoa bagi kita, umat tebusan-Nya, agar kita dapat menamatkan dengan baik perlumbaan yang diberikan kepada kita. Yakinlah bahawa kita sentiasa dalam doa-Nya. Mazmur 121:3b-4 mengatakan Tuhan yang menjagamu tidak terlelap dan tidak tertidur. Janganlah lihat keadaan anda tetapi ketahuilah bahawa Yesus duduk di sebelah kanan Tuhan Bapa, dan selalu berdoa bagi kita (lihat Roma 8:14).



DOA HARI INI

- Bapa Surgawi yang dikasihi, kiranya Engkau memperkayakan kehidupan kami dalam Kristus Yesus dengan kuasa Roh Kudus. Dunia tidak dapat merampas sukacita, kedamaian, dan kasih yang kami miliki dalam Kristus Yesus ketika kami menambat iman kami pada Dia kerana Dia bersyafaat bagi kami dalam kelemahan kami. Dalam nama Yesus, kami berdoa, Amin.
- Berdoa agar Kementerian Pendidikan Tinggi menerima pendapat dan maklum balas orang ramai, dan agar mereka mempunyai kebijaksanaan dan wawasan yang tinggi semasa mereka berusaha untuk mengekalkan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti dalam pendidikan tinggi.
- Berdoa agar terdapat lebih banyak penglibatan gereja dan orang Kristian dalam pendidikan tinggi. Berdoa agar Tuhan membangkitkan lebih ramai pendidik cemerlang yang berteraskan iman dan agar mereka dapat menjalani kebenaran dalam industri pendidikan.

HARI 26-30



KASIH YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

Ibrani 8 & 9



IMAM BESAR AGUNG

Dalam tradisi keagamaan orang Yahudi, Imam besar (dalam bahasa Ibrani: kohen gadol) bertanggungjawab menjadi pengantara di antara umat manusia dengan Tuhan. Dialah yang masuk ke dalam ruang Maha Kudus di Bait Suci kota Yerusalem dengan mempersembahkan korban tahunan untuk mengadakan upacara pendamaian antara Tuhan dengan manusia.

Yesus telah memberikan sinar baharu kepada umat-Nya. Keimaman Yesus berbeza dengan keimaman suku Lewi. Berbeza dengan mereka, Yesus hanya perlu mempersembahkan satu korban persembahan untuk memenuhi tuntutan Hukum Tuhan dengan mempersembahkan diri-Nya sebagai korban tebusan yang sempurna: suci dan tidak bercela (Ibrani 7: 26-27). Tidak seperti imam Lewi yang harus mempersembahkan korban persembahan berulang kali, Yesus telah menjadi korban

sekali sahaja untuk selama-lamanya, memberi penebusan kekal bagi semua orang yang datang kepada Tuhan melalui Dia. Dia telah membawa darah-Nya sendiri bukan darah kambing atau anak lembu (Ibrani 9:12).

Oleh kerana Yesus lebih besar daripada imam-imam yang lain, maka Dia disebut sebagai "Imam Besar Agung" (Ibrani 4:14) dari Syurga yang berempati dengan segala kelemahan kita. Dalam setiap cara, walaupun Dia telah melalui percubaan seperti kita, namun Dia tidak berdosa (lihat Ibrani 4:14-15). Dialah yang memberi kita keberanian untuk menghampiri takhta kasih karunia, supaya kita menerima rahmat dan menemukan kasih karunia untuk mendapat pertolongan kita pada waktunya (lihat Ibrani 4:16). Alangkah besarnya kasih-Nya, kasih-Nya yang tidak tergoncangkan bagi semua yang memilih untuk percaya kepada-Nya!



DOA HARI INI

- Bapa Surgawi, kami bersyukur kepada Yesus, Imam Besar Agung kami yang sangat memahami kelemahan kami. Kami percaya, dalam kasih-Mu yang tidak tergoncangkan, Engkau akan memberikan jalan keluar bagi kami meskipun kami memiliki kelemahan. Kuatkanlah kami setiap masa dengan Firman-Mu dan Roh-Mu ketika kami lemah. Dalam nama Yesus, Amin.
- Berdoa agar jabatan dan agensi hal ehwal agama di bawah Jabatan Perdana Menteri dapat memupuk persefahaman agama yang lebih baik dengan jayanya di kalangan awam dengan pendekatan yang sederhana dan seimbang.
- Berdoa agar kehidupan dan amalan gereja-gereja Malaysia tidak jatuh ke dalam bentuk keagamaan tetapi kita akan menjadi orang yang mempunyai ibadah yang bersemangat yang menjalani kehidupan yang dipimpin oleh Roh.

PENGANTARA YANG SATU

Yesus disebut sebagai "Pengantara yang Satu" diterjemahkan daripada kata Yunani Mesites (Ibr. 8:6, 9:15). Tuhan berinkarnasi sebagai Yesus Kristus, kemanusiaan-Nya sebagai Pengantara yang satu-satunya di antara Tuhan dan manusia.

Mengasihi Yesus bererti kita mengasihi Bapa-Nya kerana Dia dan Bapa adalah satu (Yoh. 10:30). Sebagai respon atas kasih-Nya, maka kita wajib mentaati Dia. *"Jikalau kamu mengasihi Aku, kamu akan menurut segala perintah-Ku."* (Yoh. 14:15). Yesus menginginkan kita selalu berdoa kepada Bapa-Nya dan mentaati perintah-perintah-Nya melalui-Nya agar kita sentiasa memiliki kedamaian, sukacita, dan kekuatan untuk melakukan kehendak-Nya dengan kasih, sabar, rendah hati, dan penuh hikmat.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia melaporkan bahawa kes jenayah dalam talian dari Januari hingga September 2023 telah meningkat sebanyak 23% berbanding tahun 2022. Mangsa penipuan scam bukan sahaja termasuk

warga emas dan pesara tetapi juga golongan profesional seperti pensyarah, guru, jurutera dan doktor. Jenayah penipuan bukan sahaja menyebabkan kerugian kewangan kepada negara tetapi juga membawa kepada kemurungan dan kemerosotan kesejahteraan keseluruhan mangsa.

Dalam dunia yang jahat ini dengan jenayah dan penipuan yang semakin meningkat, masyarakat semakin hilang kepercayaan di antara satu sama lain dan masalah mental telah menjadi salah satu isu paling mencabar yang perlu ditangani oleh Gereja. Namun kita mempunyai iman untuk mengatasinya, kerana Yesus pernah berkata, *"Akulah jalan dan kebenaran dan hidup."* (Yohanes 14:6). Segala masalah yang kita hadapi dapat diselesaikan melalui campur tangan-Nya. Tidak kira betapa kencangnya ribut yang kita hadapi, Tuhan akan mengurniakan kita kuasa dan kekuatan untuk mengatasinya (lihat Mazmur 68:36).



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, kami bersyukur kepada-Mu kerana Engkau adalah Pengantara kami yang setia pada masa kesusahan. Kiranya Engkau memberi kami kebijaksanaan dalam menangani situasi kami. Jauhkanlah hati kami daripada ketamakan dan fikiran kami daripada tipu muslihat. Dalam nama Yesus, Amin.
- Berdoa agar, ketika Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) berusaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul, mereka mempunyai cara, kemahiran, kebijaksanaan, dan pengetahuan untuk mewujudkan suasana yang bersatu padu, sejahtera dan bermaruah.
- Berdoa agar Gereja mempunyai semangat keusahawanan seiring dengan usahanya untuk meneroka pengembangan pelayanan di tempat kerja. Berdoalah agar kita menjadi orang yang menggunakan karunia dan pengetahuan kita dengan baik, dan yang melipatgandakan sumber yang diberikan kepada kita untuk kemuliaan-Nya.

KORBAN YANG HIDUP

Kematian Yesus di kayu salib memberi makna pengorbanan yang sejati dalam kehidupan orang Kristian. Sebagai pengikut-Nya, pengorbanan berarti melakukan apa yang diperintahkan Tuhan sama ada dari segi masa, harta, dan usaha kita untuk melakukan pekerjaan-Nya. Tuhan memerintahkan, "carilah dahulu Kerajaan Allah dan kebenarannya." (Mat. 6:33). Kesanggupan kita untuk berkorban merupakan tanda pengabdian kita kepada-Nya.

Inti pengorbanan sejati ialah kasih Yesus. Yesus telah menunjukkan kasih-Nya dengan memberikan nyawa-Nya. Inilah kasih yang sejati—untuk kepentingan orang lain, dilakukan dengan rela dan tanpa syarat. Ini adalah perintah Yesus. Dia memerintahkan kita untuk mengasihi satu sama lain seperti Dia telah mengasihi kita (lihat Yohanes 13:34-35). Kasih bukan hanya perasaan tetapi keputusan untuk menunjukkan cinta kepada orang lain.

Bagaimanakah kita mempersembahkan diri kita sebagai korban yang hidup kepada Tuhan? (lihat Roma 12:1) Dengan menjalani kehidupan dengan penuh kasih Kristus, kita menjadi anak-anak terang di tengah-tengah kegelapan. Setiap hari, kita mempunyai peluang untuk melayani orang lain dan menyemai Firman Tuhan. Penting sekali bagi gereja untuk bangkit dari zon sesela kita dan menjangkau golongan yang memerlukan!

Sebagai sebuah negara yang berbilang budaya, kita harus berdoa dan melakukan yang terbaik untuk memelihara perpaduan dan keharmonian dalam negara, sama seperti Yesus yang merupakan Raja Damai (lihat Yesaya 9:5). Marilah kita membuang kepahitan, kegeraman, dan kemarahan terhadap orang lain walaupun kita, sebagai umat Tuhan, diuji, dihina, dan dibenci (lihat Efesus 4:31-32).



DOA HARI INI

- Bapa Syurgawi, ajarlah kami untuk memiliki hati yang rela menjadi korban yang hidup. Kami berdoa agar kami mengikuti Yesus dengan roh penyangkalan diri, dan kasih pengorbanan untuk orang lain, dan agar kami dapat mengasihi musuh kami, kerana itulah kasih yang telah Engkau tunjukkan kepada kami. Dalam nama Yesus, Amin.
- Berdoa agar apabila Kementerian Perpaduan Negara menjalankan kempen yang membantu memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia (seperti Kawasan Pengawasan Kejiranan, Semangat Nasionalisme, Semangat Perpaduan dan Komuniti Penyayang), kita akan memberi respon yang baik dan menyokong usaha tersebut dalam kehidupan peribadi dan masyarakat.
- Berdoa agar gereja-gereja di Malaysia mentaati Firman Tuhan dan berusaha untuk mengekalkan kesatuan Roh dalam ikatan perdamaian.

SEBUAH PERJANJIAN BAHARU

Tuhan sering menggambarkan hubungan-Nya dengan umat-Nya sebagai sebuah pernikahan. Ketika Tuhan menjalin hubungan dengan umat Israel, Dia secara khusus memilih mereka untuk menjadi milik-Nya yang eksklusif. Dalam hubungan perjanjian ini, Tuhan telah berjanji untuk setia dan memberkati umat-Nya. Namun, mereka berpaling dari-Nya dan terus-menerus mengkhianati-Nya.

Yeremia fasal ketiga menyatakan bahawa Tuhan telah menceraikan Israel kerana ketidaksetiaan mereka. Di sini, kasih Tuhan mungkin kelihatan bersyarat. Namun itu bukanlah keputusan terakhir Tuhan walau pun Dia berhak menceraikan Israel. Tuhan itu penuh belas kasihan; Dia tidak meninggalkan mereka (lihat Yesaya 49:15). Ada dilema di sini, dan penyelesaian Tuhan adalah memberikan janji-janji yang lebih baik kepada umat-Nya melalui perjanjian yang baru, iaitu yang lebih baik.

Ada empat janji dalam Perjanjian Baharu. Pertama, janji memberi keupayaan. Tuhan menaruhkan hukum-Nya dalam fikiran umat-Nya dan menuliskannya dalam hati mereka (lihat Ibrani 8:10). Harus ada transformasi dari dalam, yang melibatkan hubungan batin dan peribadi dengan Tuhan. Kedua, janji bahawa Dia tidak akan meninggalkan kita. Ketiga, janji bahawa kita akan mengenal Dia secara peribadi. Jika Tuhan bekerja di dalam hati kita dan memberi kita hati yang baharu, kita akan mengetahui siapa Dia. Keempat, janji pengampunan dosa kita.

Kini setelah kita menjadi milik Kristus, kita tidak boleh meremehkan kasih-Nya yang tidak ternilai harganya. Perjanjian baharu ini seharusnya menuntun kita menjadi lebih taat kepada Tuhan dan semakin membenci dosa.



DOA HARI INI

- Tuhan Yesus, ajarlah kami untuk menepati perjanjian-Mu dengan setia. Ini kerana dalam Perjanjian-Mu, kami menemukan kekuatan, keamanan, kasih dan jaminan keselamatan kami. Kiranya Engkau memberkati kami dengan iman yang memampukan kami menepati janji-janji-Mu meskipun ketika keadaan dalam kehidupan kami seakan-akan bertentangan dengan apa yang telah Engkau janjikan. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Pengangkutan akan cekap dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar, serta menambah baik infrastruktur pengangkutan di kawasan pedalaman.
- Berdoa untuk orang yang tidak dapat mengikut ibadah atau aktiviti gereja kerana kekangan pengangkutan. Berdoa agar gereja dalam komuniti ini mempunyai tenaga kerja dan sumber daya yang mencukupi untuk mengatasi masalah ini.

KHEMAH YANG SEJATI

Yesus Kristus ialah Khemah yang sejati dan sempurna (lihat Ibrani 9:11). Banyak simbol dalam Khemah Suci diambil daripada nubuat dan janji Tuhan dalam Perjanjian Lama mengenai Yesus Kristus. Dalam Perjanjian Lama, Khemah Suci melambangkan hadirat Tuhan di kalangan umat Israel, manakala dalam Perjanjian Baru, ia melambangkan Tuhan Yesus Kristus bersama kita (Matius 1:23).

Khemah Suci hanya mempunyai satu pintu masuk di sebelah timur untuk masuk ke hadirat Tuhan. Ini melambangkan Kristus, yang merupakan satu-satunya cara untuk memperoleh keselamatan. " Akulah pintu. Siapa masuk melalui Aku akan selamat." (Yohanes 10:9)

Apabila kita berbicara tentang Khemah Suci, kita juga berbicara tentang kekudusan. Tuhan memerintahkan kita untuk menjadi kudus kerana Dia kudus (lihat 1 Petrus 1:15-16). Perkataan kudus, dalam bahasa Yunani *hagios* bermaksud untuk diasingkan.

Diasingkan daripada dosa dan dimurnikan untuk Tuhan. Ia menandakan kualiti yang diperlukan untuk berhadapan dengan Tuhan dan untuk memenuhi syarat untuk melayani Dia. Sebagai anak-anak Tuhan, kita harus meresponi kekudusan Tuhan dengan mempraktikkan kekudusan dalam kehidupan kita. Kita perlu mengekalkan hubungan intim dengan Dia, dan takut serta menghormati Dia (lihat Ibrani 12:28).

Luangkanlah masa untuk belajar Firman Tuhan. Firman yang hidup sangat bermanfaat untuk mengajar, menyatakan kesalahan, memperbaiki tingkah laku, dan mendidik kita tentang kebenaran (lihat 2 Timotius 3:16). Kita perlu memperbaharui fikiran kita supaya kita dapat membezakan kehendak Tuhan: " apa yang baik, yang berkenan kepada Allah dan yang sempurna " (Roma 12:2). Kita tidak dapat hidup dalam kekudusan dengan kekuatan kita sendiri tanpa kuasa Roh Kudus.



DOA HARI INI

- Tuhan kami Yesus, murnikanlah hati kami melalui Roh Kudus-Mu. Kami berdoa agar kami menjadi bijak dan jujur, dan tidak jatuh ke dalam godaan. Kami juga berdoa untuk satu penerobosan dalam kehidupan kami supaya kami dapat hidup kudus dan benar di bumi, bersaksi kepada dunia kuasa dan kasih Tuhan yang membolehkan kami berbuat demikian. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Pelancongan berjaya mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang budaya dan menonjolkan keunikannya dalam pasaran pelancongan yang kompetitif supaya industri pelancongan kita akan berkembang maju.
- Berdoa untuk pelancongan orang Kristian ke tapak ziarah dan tempat lain yang mempunyai kepentingan Kristian yang bersejarah seperti Tanah Suci, Perjalanan Rasul Paulus dan Camino de Santiago. Berdoa agar Tuhan menyalakan kembali api penginjilan dan misi ketika orang Kristian melawat, mengenang dan mengagumi tempat-tempat di mana Yesus dan para Rasul telah berjalan.

HARI 31-35



IMAN YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

Ibrani 10 & 11



KETEKUNAN DALAM KEIKHLASAN DAN IMAN

Kitab Suci: *Ibrani 10:1-25*

Yesus Kristus mempersembahkan diri-Nya sekali dan untuk selama-lamanya dan menjadi penebusan dosa yang kekal. Sekarang Dia duduk di sebelah kanan Tuhan, di mana Dia menunggu musuh-musuh-Nya dijadikan tumpuan kaki-Nya.

Kadang-kadang mungkin kerana kelemahan dalam kehidupan kita, kita teragak-agak untuk mencari Tuhan. Walau apa pun yang terjadi, yang perlu kita ketahui adalah bahawa Tuhan tidak mengingati kesalahan kita! Malah, Dia sangat rindu agar kita mencari Dia. Melalui darah Yesus yang berharga dan pengorbanan-Nya, Dia telah membuka jalan baru dan hidup bagi kita, memungkinkan kita dengan penuh yakin masuk ke hadirat-Nya.

Marilah kita mendekatkan diri kepada Tuhan dengan hati yang ikhlas dan penuh keyakinan. Marilah kita berpegang teguh

pada pengharapan yang kita percaya tanpa ragu-ragu, kerana Dia yang berjanji adalah setia. Dalam masa kesukaran, kita tidak perlu bimbang kerana kita dapat mengalahkan musuh melalui Yesus. Tambahan pula, marilah kita saling memperhatikan, membangkitkan kasih dan perbuatan baik, saling mendorong, dan memelihara persekutuan dalam Tuhan, terlebih lagi menjelang hari Kristus.

Tidak ada seorang pun yang dapat menentang anak-anak Tuhan, kerana Yesus telah mengorbankan diri-Nya bagi kita. Tiada seorang pun dapat menuduh orang-orang pilihan Tuhan, kerana Dia telah mengisytiharkan mereka orang yang benar. Tiada seorang pun dapat mengutuk anak-anak Tuhan, kerana Yesus telah menyelesaikan pekerjaan besar penebusan. Haleluya!



DOA HARI INI

- Ya Tuhan, kiranya kami, dengan keikhlasan dan iman, mencari wajah-Mu dengan tekun. Kami sangat yakin bahawa Engkau akan mendukung dan menguatkan kami, serta memampukan kami untuk meraih kemenangan tanpa mengira apa pun keadaan yang kami hadapi. Amin!
- Berdoa agar Kementerian Dalam Negeri dapat melaksanakan peranan mereka dengan berkesan dalam memastikan ketenteraman awam dan sosial. Berdoalah agar mereka mempunyai kawalan yang baik terhadap pekerja asing di negara kita.
- Berdoa untuk pengampunan Tuhan untuk perpecahan gereja yang menyebabkan luka dan perpisahan dalam Tubuh Kristus. Berdoa untuk perdamaian dan pemulihan hubungan baik dan iman di kalangan mereka yang terluka.

JANGANLAH BUANGKAN KEYAKINAN ANDA

Kitab Suci: *Ibrani 10:26-39*

Penulis Kitab Ibrani menyampaikan mesej, “Janganlah buang keyakinan” kepada orang-orang percaya masa kini yang sedang menghadapi pencubaan dan penganiayaan yang besar. Dalam masa pencubaan, ada yang mungkin mundur sementara yang lain mungkin lemah, ada yang tetap teguh bersandar pada Tuhan, sementara yang lain mungkin menunjukkan belas kasihan dengan menemani mereka yang menderita. Mereka yang dengan berani mengandalkan Tuhan dan mempertahankan pola fikir yang teguh sering kali harus mengerahkan lebih banyak upaya serta membayar harga yang tinggi dalam menghadapi pengawasan, cemoahan, dan penyalahfahaman oleh orang lain. Melalui orang-orang percaya seperti itulah Tuhan menyelesaikan pekerjaan-Nya yang indah.

Pandemik COVID-19 yang terjadi sekali dalam satu abad telah menguji kita. Sejauh

manakah kita sudi untuk melangkah maju membantu orang lain atau menjadi berkat bagi mereka sambil berusaha mencegah daripada dijangkiti? Dapatkah kita juga menjaga hati yang gagah berani sambil memberitakan Injil dengan mengesampingkan kesombongan kita dan dengan berani melibatkan diri dengan orang lain?

Ketika kita berdoa dan memohon kebangunan rohani, Tuhan menunggu anak-anak-Nya dengan berani mengongsikan Injil-Nya. Kiranya Dia menolong kita untuk melihat orang lain bukan dengan mata kita sendiri melainkan melalui mata-Nya. Semoga kita memanfaatkan setiap kesempatan untuk mengongsikan berita baik kepada mereka dengan keyakinan. Selama 40 hari puasa dan doa ini, semoga kita menjangkau rakan-rakan yang belum percaya dan marilah kita mengongsikan Injil yang luar biasa ini kepada mereka tanpa rasa takut! Ingatlah: Setiap orang memerlukan Tuhan!



DOA HARI INI

- Ya Tuhan, terima kasih kerana mengingatkan kami bahawa, selain berdoa, kami harus mengambil tindakan dan memberi kepada pekerjaan-Mu melalui pemberitaan Injil dengan hati yang tidak tergoncangkan dan berani. Tolonglah kami untuk dengan berani mengongsikan berita baik dengan ketekunan. Dalam nama Yesus, kami berdoa. Amin!
- Berdoa agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup memiliki pengetahuan dan kemahiran yang baik dalam pengaturian harga dan kawalan barangan, dan hak pengguna akan dipelihara dan diutamakan.
- Berdoa agar Tuhan menyentuh ramai usahawan Kristian untuk melihat perniagaan mereka sebagai satu cara untuk melayani Tuhan dan Kerajaan-Nya, dan agar mereka didorong oleh agenda penyelamatan jiwa dan pemuridan. Berdoa agar kualiti produk dan perkhidmatan mereka memberi kesaksian akan kebesaran dan kebaikan Tuhan.

ORANG YANG DUNIA TIDAK LAYAK

Kitab Suci: *Ibrani 11*

Ibrani 11 memiliki daftar panjang nama orang-orang yang penuh iman yang hidupnya bersinar dengan kecemerlangan keyakinan mereka dan tidak kurang juga yang kesaksian kemenangannya dinyatakan dalam sejarah Alkitab. Oleh itu, kita harus selalu ingat, "Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan dan bukti dari segala sesuatu yang tidak kita lihat." (Ibrani 11:1)

Beberapa kisah wira-wira iman ini mungkin sudah tidak asing lagi bagi kita. Kami amat mengagumi mereka dan kehidupan mereka yang luar biasa. Penulis kitab Ibrani mengibaratkan kehidupan kita di dalam Kristus seperti sebuah perlumbaan, di mana mereka yang telah masuk syurga mengawasi kita saat kita berlari. Para saksi, yang banyaknya bagaikan awan, akan terus memberikan kesaksian kepada kita sehingga kita mencapai garis penamat yang menanti kita di atas.

Dengan iman, sudikah kita melepaskan berbagai-bagai beban dan membuang dosa-dosa yang mudah menjerat kita? Dengan iman, semoga kita bertekun dan berlari dalam perlumbaan yang diwajibkan bagi kita. Dengan iman, sudikah kita memilih jalan sempit yang berkenan kepada Tuhan? Adakah kita bersedia untuk tunduk kepada kehendak Tuhan, dan menganggap kegiatan duniawi hanya sekadar debu? Adakah kita sungguh-sungguh mencari kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya?

"Orang yang dunia tidak layak" tidak hanya mencakup mereka yang disenaraikan dalam Daftar Senarai Iman tetapi juga mencakup individu-individu pada zaman ini yang sudi mengetepikan keperluan dan keinginan mereka sendiri, memilih untuk berfokus pada Tuhan dan berkomitmen kepada Kristus. Diberkatilah anda saat ketika menjadi salah seorang mereka ini!



DOA HARI INI

- Ya Tuhan, kami berdoa agar kami dapat mempunyai lebih lagi daripada Engkau dalam hidup kami. Kiranya kami melihat sekilas kemuliaan-Mu. Biarlah pancaran kasih-Mu, kasih pengorbanan-Mu, dan misi Injil yang Engkau percayakan kepada kami, menjadi fokus hidup dan rencana kami. Kiranya kami dapat menghidupi penentuan yang Engkau berikan kepada kami dengan mengikuti tuntunan dan bimbingan-Mu. Dalam nama Yesus, kami berdoa. Amin!
- Berdoa agar Kementerian Perladangan dan Komoditi mengurus pembangunan perladangan komoditi seperti kelapa sawit, getah, kayu dan koko dengan baiknya.
- Berdoa agar Gereja akan berkembang seperti pokok palma, dan tumbuh seperti pohon aras di Lebanon, dan, sebagai tanaman di rumah Tuhan, kita akan bertumbuh subur, berbuah, dan kekal segar dan hijau.

KEPASTIAN IMAN

Kitab Suci: *Ibrani 11:1*

Kita memerlukan iman sebelum kita dapat berharap untuk masuk ke kerajaan Tuhan. Kita juga perlu bertumbuh dan maju dalam hidup. Seperti yang Paulus katakan, iman kita berasal daripada iman dan untuk iman. Oleh itu, bagaimana menjalani kehidupan beriman merupakan sebuah pelajaran yang harus terus kita pelajari sepanjang hidup kita.

Iman ialah kemampuan rohani yang diberikan Tuhan kepada kita. Seperti mana lima deria yang kita miliki memungkinkan kita untuk melihat, iman adalah organ rohani yang dianugerahkan oleh Tuhan yang membolehkan kita berhubung dengan-Nya. Iman ini memerlukan latihan dan pertumbuhan yang berterusan agar kita dapat memahami isu-isu kerohanian dan dengan teguh menempuh jalan iman.

Pancaran terang Firman Tuhan memang dapat menguatkan iman kita, menghindarkan kita daripada meraba-raba dalam kegelapan. Hal ini memungkinkan iman batin kita untuk terus dilatih, sehingga membolehkannya berfungsi secara berkesan. Dunia ini dipenuhi dengan hal-hal yang mempesona dan memikat, dan tanpa bimbingan Firman Tuhan, bagaimanakah kita dapat memiliki hati yang dibebaskan dan taat kepada Roh Kudus?

Ketika kita berlatih dan berserah diri dalam berpuasa dan berdoa, kiranya Tuhan memperluaskan visi rohani kita, memampukan kita untuk mendapatkan penerobosan yang diperbaharui dalam perjalanan rohani kita. Semoga kita bersedia menerima cabaran yang mengagumkan yang Tuhan masih adakan untuk kita.



DOA HARI INI

- Ya Tuhan, tolonglah kami berjalan dalam pimpinan-Mu dengan iman. Biarlah kami memanfaatkan janji-janji Firman-Mu, mengatasi semua serangan musuh dengan iman, dan tampil sebagai pemenang! Dalam nama Yesus, kami berdoa. Amin!
- Berdoa agar penyampaian dan penyebaran maklumat akan berkesan dan memuaskan di bawah Kementerian Komunikasi, serta berita yang tidak sah dan komunikasi palsu akan dibanteras.
- Berdoa agar Roh Kudus memperkasakan setiap gereja semasa mereka menyampaikan Injil supaya ia menjadi jelas, tepat pada masanya, relevan dan tanpa kompromi. Berdoalah agar Injil yang diberitakan akan menjangkau hati dan jiwa ramai orang.

JANJI-JANJI IMAN

Kitab Suci: *Ibrani 11:39–40*

Dalam Ibrani 11, iman ditakrifkan sebagai “...kepastian akan perkara-perkara yang diharapkan...”. Iman ini berbeza dengan kepercayaan-kepercayaan duniawi, dan terbina atas pengharapan dan janji-janji yang disebut dalam fasal-fasal yang sebelumnya. Maka, iman itu datang daripada Tuhan dan berakar umbi dalam Firman Tuhan dan janji-janji. Ia bermula dengan wahyu Tuhan, arahan, panggilan, dan janji-janji, dan kemudian diikuti oleh “keyakinan akan perkara-perkara yang tidak dilihat.” yang diteladani oleh ketaatan dan ketekunan kita sebagai ungkapan iman kita. Tuhan tidak hanya menjanjikan kehidupan kepada kita tetapi juga kehidupan yang *berkelimpahan*. Kehidupan berkelimpahan ini pada asasnya berkait rapat dengan iman yang kita pegang kepada Tuhan.

Iman kita seharusnya tidak kaku pada tingkat yang sekadar “percaya kepada Tuhan” tetapi harus maju untuk “percaya bahawa Tuhan memberi ganjaran

kepada sesiapa yang mencari Dia.” Paulus mengatakan, “*Yesus adalah “ya” bagi semua janji Allah.*” (2 Korintus 1:20) Sudahkah kamu mencari Tuhan? Adakah kamu yakin bahawa janji-janji-Nya akan digenapi? Sejauh manakah nilai yang kamu letakkan bagi janji-janji Tuhan? Wira-wira iman telah menjalani kehidupan yang luar biasa, mereka dengan teguh percaya bahawa Tuhan tidak akan gagal memberikan ganjaran kepada mereka.

Hari ini, Tuhan masih mencari bejana-bejana yang boleh Dia gunakan. Dia menginginkan untuk campur tangan dalam kehidupan kita, supaya janji-janji-Nya dinyatakan dalam kita ketika Dia melaksanakan pekerjaan-Nya yang indah. Orang-orang yang rohani sangat diperlukan segera untuk menjalankan kuasa Tuhan yang berpengaruh pada masa yang genting ini. Adakah kamu sudi untuk mempercayakan pemilikan kehidupan kamu kepada Tuhan dan menjadi bejana iman bagi generasi ini?



DOA HARI INI

- Tuhan, kurniakanlah kami iman yang melampaui batas tembok pemahaman kami. Kami percaya kepada Tuhan dan kami juga percaya bahawa Engkau memberi ganjaran kepada orang yang mencari Engkau. Mampukan kami untuk bertekun dalam iman dan untuk menyenangkan Engkau sampai pada hari kami berdiri dengan penuh kebanggaan di alam syurgawi bersama dengan wira-wira iman, menerima hal-hal yang lebih baik yang tersedia bagi kami (lihat ayat 40). Dalam nama Yesus, Amin.
- Berdoa agar Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri berjaya menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk pelabur, mengekalkan pelaburan sedia ada serta menarik syarikat asing yang berkualiti dan bernilai tinggi.
- Berdoa agar kita, sebagai Gereja, menjadi pelabur yang baik semasa kita menjalankan perniagaan untuk Kerajaan Tuhan di bumi, dan kita akan tahu di mana untuk menabur dengan murah hati dan di mana untuk menuai hasil. Berdoalah agar setiap gereja akan mengalami pertumbuhan dan penggandaan di mana mereka telah melabur.

HARI 36-40



MISI YANG TIDAK DAPAT DIGONCANGKAN

Ibrani 12 & 13



SAKSI-SAKSI YANG TIDAK TERGONCANGKAN

Kitab Suci: Ibrani 12:1-3

Kerajaan yang tidak tergoncangkan adalah kerajaan Ilahi bawah kedaulatan Tuhan yang tidak akan pernah tergoncangkan. Di Kerajaan ini, banyak sekali saksi yang mengelilingi kita bagaikan awan di langit. Kita harus terus maju, berlari terus menuju tujuan. Kristus adalah Panglima Tertinggi kita dalam peperangan, dan Dia akan membimbing kita ke jalan yang benar dan memimpin kita menuju kemenangan. Di pihak kita, kita harus berusaha untuk mengetepikan segala beban berat, menjauhi segala perkara yang mudah membawa kita kepada dosa.

Di Kerajaan yang tidak tergoncangkan ini, Kristus menanggung penderitaan di kayu salib. Kini Dia duduk di sebelah kanan takhta

Tuhan, sebuah simbol penyelesaian karya dan misi penebusan-Nya. Kita yang masih berada di bumi hendaklah menunggu dengan sabar dan memandang kepada Tuhan untuk masa depan yang telah Dia persiapkan bagi kita, kerana Dia adalah Alfa dan Omega, Yang Pertama dan Yang Terakhir bagi iman kita. Kita yang berada dalam kerajaan Tuhan harus menganggap hal-hal duniawi sebagai hal yang sementara dan terbatas. Mari kita meluangkan lebih banyak masa untuk merenungkan identiti kita dan janji-janji di dalam Kristus, dan bersandar kepada kasih karunia Tuhan dan kuasa Roh Kudus untuk memberitakan Injil Kristus.



DOA HARI INI

- Tuhan, tolonglah Gereja untuk memahami sifat Kerajaan-Mu dan misi-Mu agar kami dapat terus menjadi saksi yang baik bagi-Mu dan dengan sungguh-sungguh memenangkan jiwa-jiwa untuk Kerajaan yang tidak tergoncangkan. Kiranya Engkau memberi kemampuan kepada Gereja dengan pola pemikiran positif dan ketabahan yang tidak berbelah bahagi sehingga kami dapat menghadapi cabaran yang kami hadapi dalam memberitakan Injil. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Pertahanan memainkan peranannya dengan baik dalam meningkatkan keselamatan negara, menjaga kepentingan negara kita dalam kedaulatan dan wilayahnya, serta mengurus keperluan ketenteraan.
- Berdoa agar gereja-gereja meluangkan masa dan usaha dalam doa dan syafaat untuk membina pagar perlindungan rohani ke atas Gereja dan individu. Berdoalah agar setiap gereja menjadi pusat kekuatan doa.

SION YANG TIDAK TERGONCANGKAN

Kitab Suci: *Ibrani 12:22-24*

Gunung Sion melambangkan tempat tinggal dan hadirat Tuhan serta peristiwa yang akan berlaku iaitu kota syurga yang terdapat sehimpunan besar para malaikat. Ini adalah kerajaan masa depan yang tidak tergoncangkan, kerana ini adalah tempat di mana Tuhan akan melaksanakan penghakiman-Nya. Pada masa yang sama, Yesus berperanan sebagai pengantara kita dan maka, jiwa orang benar akan disempurnakan. Perjanjian ini dibuat dengan darah Tuhan yang mahal. Dengan demikian, mereka yang percaya kepada Yesus akan memperoleh kehidupan kekal, iaitu Kerajaan yang tidak tergoncangkan. Di Kerajaan ini, Tuhan memerintah dan bertakhta di hati umat-Nya, membawa kuasa dan pengaruh untuk misi.

Gunung Sion adalah perjanjian baru yang ditetapkan oleh Kristus Yesus dengan umat manusia dua ribu tahun yang lalu. Janji

ini diberikan kepada mereka yang ada di dalam Kristus, menawarkan kepada mereka pengharapan akan kehidupan kekal, dengan memasuki hadirat Tuhan yang kekal. Betapa indahannya janji yang dipegang ini kerana tidak akan ada lagi penyakit, kesakitan, kesedihan, tangisan, atau bahkan kematian. Hal-hal yang lalu, atau hal-hal di masa lalu, semuanya akan menjadi sejarah. Bagi kita yang masih hidup hari ini, marilah kita mengesjar dengan sungguh-sungguh dan mensyukuri Tuhan yang telah memberikan keselamatan kepada kita. Di akhir zaman ini, marilah kita memberitakan dengan segenap hati betapa besarnya kuasa Injil ini, agar setiap orang yang percaya kepada Tuhan Yesus sebagai Juru Selamat mereka tidak binasa, melainkan beroleh kehidupan yang kekal.



DOA HARI INI

- Tuhan, bukalah mata kami dan arahkanlah pandangan kami ke Gunung Sion seiring dengan kerinduan kami terhadap Kerajaan yang tidak tergoncangkan. Pakailah kami untuk membawa orang lain kepada Kristus supaya mereka dapat berkongsi dengan kami berkat-berkat syurga yang besar. Kami berdoa dengan sungguh-sungguh bagi mereka yang belum diselamatkan, agar mereka dapat mendengar Injil dalam hidup mereka, merasakan sukacita keselamatan, dan mengambil bahagian dalam Gunung Sion yang tidak tergoncangkan.
- Berdoa agar Kementerian Kerja Raya mencapai kecemerlangan dalam pembangunan dan pengurusan jalan persekutuan, memenuhi standard keberkesanan kos, kualiti, dan mengekalkan persekitaran pembinaan yang kondusif.
- Berdoa agar kerja-kerja Gereja bukan sahaja sihat, kukuh dan berkekalan di bumi ini tetapi agar ia juga dapat bertahan dalam api pembersihan-Nya, bertahan dalam ujian dan akhirnya membawa kepada kita menerima ganjaran syurga.

BERITA BAIK YANG TIDAK TERGONCANGKAN

Kitab Suci: *Ibrani 12:25-28*

Injil adalah Berita Baik bagi semua bangsa, dan telah diwahyukan dengan jelas kepada umat manusia sejak dua ribu tahun yang lalu. Sejak penciptaan langit dan bumi, kekuasaan kekal dan sifat keilahian Tuhan telah nyata dan dapat difahami. Meskipun tidak terlihat, sifat-sifat-Nya telah diketahui melalui ciptaan, maka kita tidak mempunyai alasan untuk tidak mengenal-Nya. Tuhan terus-menerus menggoncang dunia ini dan aturan ciptaan-Nya, sentiasa mengingatkan umat manusia dan memberikan peluang bagi orang yang berdosa untuk kembali kepada-Nya. Jika kita tetap bersikap keras kepala dan menolak nasihat Tuhan serta menolak untuk bertaubat, kita pasti akan menghadapi penghakiman Tuhan.

Bagi kita yang sudah menerima keselamatan, setelah memperoleh Kerajaan yang tidak tergoncangkan, haruslah terus mengucapkan syukur serta

mengabdikan kepada Tuhan dengan kehormatan dan mengikuti kehendak-Nya. Dengan melakukan hal ini, kita dapat menjadi sumber inspirasi bagi orang-orang yang belum percaya, menuntun mereka untuk datang kepada Sang Pencipta dan Juru Selamat dengan harapan menerima kehidupan kekal dan Kerajaan yang tidak tergoncangkan. Di hari-hari terakhir ini, marilah kita memberi keutamaan kepada pemberitaan mesej pertaubatan dan kebenaran melebihi pelayanan yang lain. Mari kita meningkatkan pekerja untuk penuaian akhir zaman, dan secara kolektif menyahut panggilan misi dalam menyebarkan Berita Baik Kerajaan Syurga.



DOA HARI INI

- Ya Tuhan, ampunilah dosa keras kepala dan kejahatan mereka yang terus menolak undangan-Mu dan menolak Jalan hidup yang kekal. Lembutkanlah hati mereka dan tolonglah mereka agar mereka menyangkal diri dan datang dengan rendah hati di hadapan-Mu. Bantulah kami memperhatikan peristiwa-peristiwa yang sedang terjadi di zaman ini. Kerana melalui situasi yang sukar dan meresahkan ini, Engkau menyedarkan dunia untuk kembali kepada-Mu dan menerima Berita Baik Kerajaan Syurga.
- Berdoa agar Kementerian Luar Negeri akan terus meningkatkan hubungan dua hala dalam hubungan luar negara, berwaspada terhadap keganasan, dan cergas dalam berunding apabila nyawa golongan diaspora terancam.
- Berdoa agar setiap gereja tempatan akan berhubung baik dengan komuniti dan kejrangan mereka, dan berfungsi sebagai "rumah api" untuk memberikan kemesraan, pengharapan, dan sokongan hubungan.

PENGKHUTBAH FIRMAN YANG TIDAK TERGONCANGKAN

Kitab Suci: *Ibrani 13:5-8*

Dalam Kerajaan yang tidak tergoncangkan ini, Tuhan telah memberikan jaminan kekal bahawa Dia tidak akan membiarkan anak-anak-Nya, atau pun meninggalkan umat-Nya. Hamba-hamba Tuhan tidak perlu bimbang akan kekurangan kewangan, dan mereka harus menjaga diri daripada ketamakan, dan menjadikan rasa cukup sebagai sumber sukacita. Kita harus meneladani mereka yang memberitakan Firman Tuhan, dan memerhati bagaimana mereka menghidupi iman mereka dalam karakter dan perilaku mereka. Teladan saleh mereka dapat diterapkan dalam misi hari ini dan dalam penyebaran Injil, sehingga Injil dapat disebarkan dengan cepat.

Seorang pengkhotbah yang menjalani kehidupan yang patut diteladani adalah model pembelajaran terbaik bagi pendengarnya. Oleh itu, para pengkhotbah harus terus-menerus berwaspada dalam memberikan teladan positif melalui kehidupan dan pelayanan mereka. Mereka tidak boleh menyimpan ketamakan atau niat buruk, agar pekerjaan Injil tidak terhambat. Injil adalah kekuatan Tuhan yang berupaya menyelamatkan semua orang yang beriman, dan harus disebarkan melalui saluran yang baik dan saksi yang dapat dipercayai. Sebab kita memberitakan Yesus Kristus, Juru Selamat. Yang sama kelmarin, hari ini, dan selama-lamanya.



DOA HARI INI

- Tuhan, bangkitkan lebih banyak pengkhotbah Firman-Mu yang memiliki iman yang mendalam dan menjalani kehidupan yang patut diteladani. Tolonglah duta-duta Berita Baik-Mu ini untuk mengabdikan diri mereka untuk memberitakan Firman-Mu di hari-hari akhir ini agar Injil-Mu dapat sampai ke hujung bumi. Tuhan, kiranya dunia mengenal Injil yang melaluinya kami memberitakan Mesias, Raja yang telah ada, yang ada sekarang, dan yang akan datang. Hanya melalui Engkau kami dapat memasuki Kerajaan yang tidak tergoncangkan ini.
- Berdoa agar usaha yang disumbangkan oleh Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi membolehkan Malaysia menjadi negara berteknologi tinggi dengan penyampaian berprestasi tinggi dan mencapai status berdaya saing di peringkat global.
- Berdoa agar Gereja menggunakan sains, teknologi, dan inovasi dengan baik dan menjadi kontemporari dalam memenuhi keperluan zaman yang semakin meningkat, untuk memajukan Injil dan Kerajaan Tuhan. Berdoalah agar kita tidak ketinggalan kerana rasa takut dan salah sangka kita.

KOTA TIDAK TERGONCANGKAN YANG AKAN DATANG

Kitab Suci: *Ibrani 13:14-17*

Tidak ada kota atau tempat tinggal di bumi yang akan bertahan selama-lamanya. Namun, kita dapat menantikan kota yang akan turun dari syurga di masa depan. Kota itu akan menjadi tempat tinggal dan rumah kita yang kekal, dan itu adalah Kerajaan yang tidak tergoncangkan yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Oleh sebab kita memiliki janji ini, kita perlu melihat dunia dengan perspektif dan nilai yang kekal. Daripada meletakkan pengharapan kita pada kota sementara di bumi yang sedang reput dan lenyap, kita boleh menantikan kota yang akan datang ini, Yerusalem Baru, langit baru dan bumi baru.

Selagi kita berada di bumi, marilah kita terus mempersembahkan korban pujian, memberitakan Injil dengan tekun, melakukan lebih banyak perbuatan baik, dan terlibat secara aktif dalam kegiatan

amal. Hal ini akan memberikan peluang bagi orang lain untuk mengenal Injil dan merasakan kuasanya. Pekerjaan kita akan menyenangkan Tuhan dan sesuai dengan kehendak Ilahi-Nya.

Akan tiba saaatnya di masa depan ketika kita masing-masing harus mempertanggungjawabkan diri kita sendiri di hadapan takhta Tuhan atas pekerjaan yang telah kita lakukan di bumi, khususnya dalam menyelamatkan jiwa-jiwa. Semoga kita bersukacita dan bukannya bersedih ketika kita memberikan pertanggungjawaban kita. Oleh kerana kita telah menerima Kerajaan yang tidak tergoncangkan ini, marilah kita berkomitmen sepenuh hati untuk taat kepada mereka yang membimbing kita di jalan Tuhan.



DOA HARI INI

- Tuhan, mampukan kami memahami dunia ini dengan sudut pandang yang kekal, hidup dengan sudut pandang kekal, dan mengizinkan Injil membimbing kehidupan dan pekerjaan kami. Jadikan kehidupan harian kami bermakna dan berharga, terutama ketika kami memberitakan Injil supaya kami bersukacita, dan bukan berdukacita, ketika kami memberi pertanggungjawaban kehidupan kami di hadapan takhta-Mu. Amin.
- Berdoa agar Kementerian Wilayah Persekutuan yang menyelia Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, dapat meningkatkan lagi kesejahteraan masyarakat di sana melalui pembangunan sosial dan ekonomi.
- Berdoa agar gereja-gereja di Wilayah Persekutuan akan terus memberi impak dalam usaha jangkauan mereka, terutamanya bagi orang ramai yang menjangkau pelajar tempatan dan luar negara.

PENGHARGAAN



Kata Pengantar

Bagi Kita Milik Kerajaan yang Tidak Dapat Digoncangkan	Rev Dr Eu Hong Seng
Kerajaan yang Tidak Dapat Digoncangkan	Pr Samuel Ang
Orientasi Semula Gaya Hidup yang Tegas	Rev Looi Kok Kim
Mendukung Dana Umum NECF	Pr Samuel Ang

Renungan & Doa

Hari 1-5	Kerajaan yang Tidak Dapat Digoncangkan	Elder Khoo Kay Hup Rev Looi Kok Kim
Hari 6-10	Mesej yang Tidak Dapat Digoncangkan	Rev Lee Yew Meng
Hari 11-15	Hubungan yang Tidak Dapat Digoncangkan	Rev Andy Chi
Hari 16-20	Perjalanan yang Tidak Dapat Digoncangkan	Rev Rion Anjangkal
Hari 21-25	Pengharapan yang Tidak Dapat Digoncangkan	Rev James Doss
Hari 26-30	Kasih yang Tidak Dapat Digoncangkan	Pr Doris Mayven
Hari 31-35	Iman yang Tidak Dapat Digoncangkan	Pr Grace Lee
Hari 36-40	Misi yang Tidak Dapat Digoncangkan	Rev Paulus Wong

Penterjemah Pr Charlynn Cheah

Penyunting Chris Balan

Pembaca pruf Pr Nick Resien

Pereka susunan & Pengatur huruf Murphy Goh

Pencetak Akitiara Corporation S/B

Nota: Semua ayat Alkitab adalah daripada Alkitab Terjemahan Baru (TB)

Menyokong Dana AM NECF

National Evangelical Christian Fellowship AC3

**Akaun Public Bank Berhad:
3218284529**

atau

Touch' n Go e-wallet

Imbas kod QR untuk menyumbang:



NECF
MALAYSIA

National Evangelical Christian Fellowship (NECF) Malaysia

32, Jalan SS2/103, 47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel. +603-7727 8227

Email. enquiries@necf.org.my
www.necf.org.my